

Pengajian Am (900/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 44,109 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 59.54%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	1.88	2.27	6.20	15.02	8.32	9.60	16.25	5.34	10.55	4.76	19.81

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	D	6	B	11	D
2	B	7	A	12	C
3	B	8	A	13	C
4	D	9	A	14	C
5	D	10	A	15	B

Komen am

Terdapat 214 calon mendapat markah tertinggi, iaitu 15 markah dan 153 calon mendapat markah terendah, iaitu 0 markah.

Dua soalan, iaitu soalan nombor 6 dan soalan nombor 9 ialah soalan yang beraras mudah bagi calon kerana lebih 80% calon dapat menjawabnya dengan betul manakala satu soalan, iaitu soalan nombor 13 ialah soalan beraras sukar bagi calon kerana kurang daripada 30% calon yang dapat menjawabnya dengan betul. Soalan-soalan lain ialah soalan beraras sederhana bagi calon.

BAHAGIAN B DAN C: Struktur dan Esei

Komen am

Aspek yang diuji dalam kertas peperiksaan penggal ini adalah berkaitan dengan tajuk Malaysia Kekal Berdaulat. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah pada tahap memuaskan. Namun demikian, ada dalam kalangan calon yang memberikan jawapan yang tidak menepati kehendak soalan. Ramai calon boleh dikatakan kurang mempunyai pengetahuan tentang topik yang disoalkan. Hal ini menyebabkan jawapan yang dikemukakan oleh calon agak umum, tidak jitu, atau tidak menjurus kepada kehendak soalan. Calon juga didapati kurang mampu untuk menghuraikan sesuatu idea yang dikemukakan dalam jawapan dengan baik.

Bagi Bahagian B, walaupun soalan yang dikemukakan adalah pada aras rendah dan sederhana, namun calon gagal menjawabnya dengan baik. Terdapat calon yang hanya dapat menjawab satu atau dua soalan sahaja dalam bahagian ini. Mereka sebaliknya, memberi tumpuan kepada Bahagian C.

Bagi Bahagian C pula, kebanyakan calon tidak mengemukakan idea yang mencukupi dalam esei. Ada dalam kalangan calon yang memberikan huraian sebagai idea. Sebagai contoh, calon mengemukakan 'pelabur asing hilang keyakinan terhadap negara' sebagai idea, sedangkan 'pelabur asing hilang keyakinan terhadap negara' ialah huraian kepada idea 'ekonomi negara tergugat'.

Secara keseluruhannya, ramai calon gagal membuat perancangan sebelum menjawab soalan. Hal ini menyebabkan jawapan calon kurang menepati kehendak soalan. Walau bagaimanapun, dari segi format penulisan esei, calon dapat menulis esei mengikut format penulisan yang ditetapkan, iaitu adanya bahagian pengenalan atau pendahuluan, isi atau idea, dan penutup atau kesimpulan. Jika calon hilang markah format, hal ini adalah disebabkan mereka sama ada menulis sesuatu esei melebihi jumlah patah perkataan yang telah ditetapkan atau kerana calon tidak sempat menyiapkan penulisan esei mereka.

Dari segi penggunaan bahasa dalam penulisan, masih lagi terdapat kelemahan dari segi penggunaan perkataan, struktur ayat, penggunaan istilah, ejaan, dan tanda baca. Ramai calon yang memperoleh markah 1 hingga 2 dalam aspek bahasa.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN B: Soalan Struktur

Soalan 16

Soalan ini menghendaki calon menyatakan tiga sebab Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang tertinggi negara. Kebanyakan calon tidak dapat menyatakannya dengan tepat. Kebanyakan jawapan calon merujuk kepada peranan dan kepentingan Perlembagaan Persekutuan dan bukannya sebab Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang tertinggi negara. Jawapan calon yang sepatutnya ialah Perlembagaan Persekutuan menjadi rujukan kepada semua undang-undang, undang-undang lain akan terbatal setakat yang bercanggah dengan Perlembagaan, panduan kepada pemerintahan negara (Yang di-Pertuan Agong/Parlimen/Kehakiman), panduan kepada pentadbiran negara, dan tidak ada institusi yang boleh mengatasi Perlembagaan.

Soalan 17

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama menghendaki calon memberikan definisi *Doktrin Pengasingan Kuasa*, dan bahagian kedua pula menyatakan tiga sebab *Doktrin Pengasingan Kuasa* dilaksanakan di negara ini. Ramai calon gagal memberikan definisi yang tepat kepada *Doktrin Pengasingan Kuasa*. Calon menggunakan istilah seperti 'pengagihan' atau 'pembahagian' dalam jawapan mereka, sedangkan jawapan yang lebih tepat ialah 'pengasingan' dan 'pemisahan'. Walau bagaimanapun, calon dapat menyatakan sekurang-kurangnya satu sebab *Doktrin Pengasingan Kuasa* dilaksanakan di negara ini. Ramai calon memberikan sebab 'mengelakkan pemusatan kuasa', 'mengelakkan pertindihan kuasa', atau 'mengelakkan penyalahgunaan kuasa'. Jawapan calon yang sepatutnya bagi definisi *Doktrin Pengasingan Kuasa* ialah pengasingan atau pemisahan kuasa antara badan pentadbiran (eksekutif), perundangan (legislatif), dengan kehakiman (judisiari). Tiga sebab *Doktrin Pengasingan Kuasa* dilaksanakan di negara ini adalah untuk mengelakkan pemusatan kuasa pada satu pihak, mewujudkan sistem timbang tara (*check and balance*), mengelakkan pertindihan kuasa, meningkatkan kecekapan pemerintahan, dan mengelakkan penyalahgunaan kuasa.

Soalan 18

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama menghendaki calon menyatakan dua majlis yang ditubuhkan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, dan bahagian kedua pula menyatakan dua tujuan penubuhan majlis penyelarasan antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Walaupun ramai calon dapat menyatakan sekurang-kurangnya satu majlis, seperti Majlis Raja-Raja sebagai jawapan bagi soalan dalam bahagian pertama, namun terdapat juga calon yang memberikan jawapan yang salah, iaitu seperti Majlis Perancangan Ekonomi. Bagi jawapan untuk soalan berkaitan dengan tujuan penubuhan majlis penyelarasan antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri, tidak ramai calon yang dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Jawapan calon yang sepatutnya diberikan adalah menyatakan dua majlis yang ditubuhkan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, iaitu Majlis Tanah Negara, Majlis Kewangan Negara, Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan, Majlis Raja-Raja, dan Majlis Angkatan Tentera. Calon sepatutnya menyatakan dua tujuan penubuhan majlis penyelarasan antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri, iaitu menjadi badan penghubung antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri, menjadi badan perunding berkaitan isu antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri, dan menjadi badan penyelarasan untuk aktiviti pembangunan (pentadbiran/kewangan) antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri.

Soalan 19

Soalan ini menghendaki calon menyatakan empat kesan tadbir urus baik kepada sektor awam negara. Walaupun terdapat calon yang dapat memberikan sekurang-kurangnya satu kesan tadbir urus baik kepada sektor awam negara, namun ramai calon yang tidak memahami kehendak soalan. Calon telah memberikan kesan tadbir urus baik kepada rakyat dan negara, dan bukannya kesan tadbir urus baik kepada sektor awam. Jawapan calon yang sepatutnya adalah memantapkan pengurusan dan pentadbiran awam negara, meningkatkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam, menambah baik prestasi penyampaian perkhidmatan awam, mengelakkan atau menghindarkan pemborosan atau pembaziran, memenuhi jangkaan pihak berkepentingan, meningkatkan imej pentadbiran sektor awam negara, dan meningkatkan daya saing negara.

BAHAGIAN C: Soalan Esei

Soalan 20

Soalan ini berkaitan dengan gejala rasuah yang telah menjadi “duri dalam daging” sehingga mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat dan negara, dan pelbagai langkah yang perlu diambil bagi mengawal gejala ini daripada berleluasa. Soalan ini menjadi pilihan kebanyakan calon. Calon berusaha menjawab kedua-dua bahagian soalan. Namun begitu, terdapat jawapan calon yang tidak relevan. Di samping itu, huraian terhadap isi atau idea yang dikemukakan oleh calon juga lemah dan agak umum. Jawapan calon yang sepatutnya bagi aspek kesan buruk gejala rasuah ialah pentadbiran terganggu, imej (individu/masyarakat/negara) terjejas, meruntuhkan akhlak, ekonomi negara tergugat, ketidakadilan sosial berlaku, dan keselamatan (individu/masyarakat/negara) tergugat, manakala bagi aspek langkah-langkah untuk menangani rasuah pula adalah meningkatkan integriti, menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), memantau kedudukan kewangan penggubal dasar dan penjawat awam, memperkasa tindakan undang-undang, melaksanakan tadbir urus baik, dan meningkatkan kesedaran awam.

Soalan 21

Soalan ini berkaitan dengan pernyataan bahawa terdapat faktor-faktor lain yang menghalang pengintegrasian dan perpaduan kaum di negara ini selain daripada aspek pemisahan fizikal, dan calon dikehendaki mengulas pernyataan tersebut. Hampir keseluruhan calon yang menjawab soalan ini telah menyatakan idea wajib, iaitu berkaitan dengan ‘pemisahan fizikal’. Walau bagaimanapun, ramai juga calon yang telah salah mengerti maksud ‘pemisahan fizikal’ yang dianggap sebagai perbezaan fizikal manusia, seperti warna kulit dan ketinggian individu. Ada juga calon yang melihatnya dari sudut perbezaan agama dan budaya. Sungguhpun demikian, calon dapat mengemukakan faktor lain yang menghalang pengintegrasian dan perpaduan kaum di negara ini. Namun begitu, huraian calon secara umumnya adalah lemah. Jawapan calon yang sepatutnya selain daripada faktor pemisahan fizikal (isi/idea wajib), ialah faktor budaya, sosial, ekonomi, politik, dan media massa.

Soalan 22

Soalan ini berkaitan dengan penghijrahan modal insan Malaysia yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan tinggi (*brain drain*) ke negara lain terus berlaku dan fenomena ini jika dibiarkan berterusan akan menjejaskan ekonomi negara. Calon dikehendaki membincangkan perkara tersebut. Soalan ini tidak popular dalam kalangan calon. Mungkin calon tidak pasti dengan maksud ‘modal insan’ dan ‘*brain drain*’. Calon yang memilih untuk menjawab soalan ini telah mengemukakan idea sebab berlaku ‘*brain drain*’ dengan memberi tumpuan yang lebih kepada sebab-sebab tolakan dan bukannya sebab-sebab tarikan penghijrahan modal insan tersebut. Bagi bahagian kesan penghijrahan modal insan pula, kebanyakan jawapan yang dikemukakan oleh calon tidak menepati skema jawapan yang ditetapkan. Sebagai contoh, ada dalam kalangan calon yang mengemukakan isi atau idea berkaitan dengan masalah pendatang asing dan cadangan langkah-langkah untuk mengatasi penghijrahan modal insan. Kedua-dua isi atau idea tersebut tidak diterima sebagai jawapan. Jawapan calon yang sepatutnya berkaitan sebab penghijrahan modal insan ialah peluang pekerjaan sesuai dengan kelulusan, gaji atau pendapatan yang lebih tinggi, persekitaran kerja yang menarik dan profesional, meningkatkan kemahiran dan kepakaran, dan mencari pengalaman bekerja di luar negara. Aspek kesan penghijrahan pula ialah kerugian dalam pelaburan pendidikan, pembangunan negara terjejas, dan kerugian dari segi cukai pendapatan.

Bahasa Melayu (910/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 27,298 calon. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 81%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.53	5.93	14.16	10.70	15.22	11.48	12.98	5.30	7.36	2.21	4.13

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	A	11	D
2	C	12	A
3	C	13	D
4	B	14	B
5	C	15	A
6	D	16	B
7	D	17	C
8	A	18	B
9	C	19	B
10	D	20	B

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian A bagi penggal ini adalah sederhana. Terdapat lima orang calon yang memperoleh markah penuh, iaitu 20 markah. Seramai 81 orang calon pula mendapat markah yang terendah, iaitu 1 markah. Berdasarkan respons calon, didapati bahawa semua soalan merupakan soalan aras sederhana, kecuali soalan 6, 7, 9, dan 19. Soalan-soalan ini merupakan soalan yang sukar bagi calon kerana kurang daripada 30% calon dapat menjawabnya dengan betul.

Komen soalan demi soalan

Soalan 7

Ada segelintir calon yang berprestasi tinggi tertarik kepada distraktor B sedangkan kunci jawapannya ialah opsiyen D. Sebanyak 20.3% calon daripada kumpulan calon yang berprestasi tinggi memilih distraktor B sebagai jawapan. Calon-calun ini menganggap bahawa ciri yang jelas bagi petikan bahasa Melayu klasik dan petikan bahasa Melayu moden yang diberikan dalam soalan adalah terdapat penggunaan partikel dalam petikan bahasa Melayu klasik dan jenis laras bagi petikan bahasa Melayu moden adalah jelas. Jawapan ini tidak tepat, kerana ciri yang jelas dalam petikan berkenaan ialah petikan bahasa Melayu klasik banyak menggunakan kata pangkal ayat dan ayatnya menunjukkan binaan songsang, manakala petikan bahasa Melayu moden pula mengandungi kosa kata asing dan banyak menggunakan ayat majmuk. Walau bagaimanapun, 25% calon lain yang juga berprestasi tinggi memilih opsiyen D sebagai jawapan.

BAHAGIAN B : Pembacaan Kritis Dan Analitis

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab semua soalan berstruktur yang diberikan. Calon dikehendaki menjawab soalan dalam bahagian ini pada helaian jawapan. Markah penuh bagi bahagian ini ialah 30 markah. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam Bahagian B adalah baik. Dalam bahagian ini, kebanyakan calon dapat menjawab dua atau tiga soalan pemahaman dengan tepat dan mereka mendapat markah yang baik. Ada calon yang mendapat markah antara 20 hingga 25 markah bagi bahagian ini. Calon dapat memahami petikan dengan jelas, mampu memahami kehendak soalan dengan tepat, dan mereka dapat menjawab soalan dengan baik, terutamanya untuk soalan 22 dan 24.

Namun demikian, terdapat segelintir calon yang lemah dalam bahagian ini. Mereka ternyata sukar untuk menjawab soalan-soalan pemahaman dengan lengkap dan tepat. Hal ini menyebabkan mereka gagal memperoleh markah yang baik. Calon tidak dapat memahami sesetengah istilah atau kosa kata dalam teks dengan tepat dan jelas. Kesannya, mereka tidak dapat memberikan parafrasa atau menjelaskan maksud bagi rangkaian kata yang diberikan dalam soalan. Bagi soalan 22 dan 24, ada juga jawapan calon yang menyeleweng daripada kandungan teks. Mereka mengemukakan isi atau jawapan berdasarkan pendapat mereka sendiri dan di luar daripada teks. Untuk soalan 24, ada calon yang tidak mengetahui teknik menjawab soalan. Mereka tidak memberikan huraian kepada isi utama yang dikemukakan.

Dari segi bahasa, prestasi calon lemah. Mereka tidak menguasai kemahiran membina ayat dengan betul. Kebanyakan ayat yang dibina merupakan ayat tergantung, panjang berjela-jela, berbelit-belit, tidak mendukung makna yang jelas dan lengkap, mengandungi kesalahan frasa, kesalahan penggunaan imbuhan, diksi, ejaan, tanda baca, dan kesalahan-kesalahan bahasa yang lain. Antara contoh kesalahan ayat ialah: “Selanjutnya, ialah gotong-royong dalam Rukun Tetangga.”

Komen soalan demi soalan

Soalan 21

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan maksud frasa (a) proses urbanisasi masyarakat dan (b) seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing. Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini ialah (a) proses pambandaran penduduk/proses menjadikan penduduk hidup seperti masyarakat di bandar, dan (b) hidup mementingkan diri sendiri/tidak menghiraukan orang lain/bersifat individualistik.

Kebanyakan calon hanya boleh menjelaskan maksud frasa yang kedua, iaitu (*b*), manakala untuk frasa (*a*), kebanyakan calon gagal memberikan maksudnya dengan tepat. Calon mengertikan frasa “proses urbanisasi masyarakat” sebagai susunan atau proses pemindahan penduduk, perubahan masyarakat, penaiktarafan kualiti hidup, organisasi rakyat, pengasingan dan pengkelasan masyarakat, dan lain-lain jawapan yang menyimpang jauh daripada maksud sebenar frasa yang dikemukakan dalam soalan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa calon tidak memahami maksud “urbanisasi”. Ada juga calon yang menyamakannya dengan istilah “perbandaran”. Untuk frasa (*b*) pula, ada calon yang memberikan maksudnya sebagai “tidak mahu bekerjasama”, “suka membuat kerja sendiri”, “tidak suka bergaul dan sibuk dengan hal sendiri”, dan “tidak mahu bertegur sapa”. Semua jawapan ini tidak tepat.

Soalan 22

Soalan ini menghendaki calon memberikan sebab semangat kejiranan semakin pudar dalam kalangan masyarakat kita. Jawapan yang tepat bagi soalan ini adalah seperti yang berikut:

Reka bentuk rumah mendorong wujudnya sifat individualistik.

Anggota masyarakat kurang bergaul dengan jiran.

Masyarakat mempunyai komitmen yang tinggi terhadap pekerjaan.

Masyarakat gemar menghabiskan masa dengan keluarga.

Ada penduduk yang enggan melibatkan diri dalam aktiviti persatuan penduduk.

Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat dan mereka memperoleh markah penuh. Ada calon yang menyalin bahagian teks yang berkenaan dan akibatnya, mereka menulis semua sebab yang melunturkan semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, ada calon yang hanya memberikan satu atau dua punca. Ada juga calon yang mengemukakan pendapat mereka sendiri, misalnya, “wujud halangan dalam menjalin hubungan ukhwah”, “sikap angkuh dan sombong”, dan “sikap tidak suka bergaul”. Terdapat segelintir calon yang menyalin frasa yang tidak menepati soalan dan salah pula ayatnya, misalnya: “Masyarakat menjadikan atau berprinsip tidak mahu menjaga tepi kain orang atau kerana sifat ingin tahu tidak berlebihan hingga mencari keburukan dan keaiban seseorang”. Jawapan ini sebenarnya tidak relevan dengan soalan. Sesetengah calon memberikan jawapan yang terlalu panjang untuk soalan ini kerana mereka memasukkan huraian.

Soalan 23

Soalan ini menghendaki calon menyatakan mesej yang hendak disampaikan oleh penulis dalam petikan yang diberikan. Jawapan yang sepatutnya bagi soalan ini ialah semangat kejiranan mestilah dihidupkan kembali dalam kalangan masyarakat di negara ini/hendaklah dipastikan bahawa semangat kejiranan tidak luntur dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Hanya sebilangan kecil calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat, iaitu penulis mengingatkan masyarakat agar mengekalkan semangat ketetangaan dalam masyarakat. Kebanyakan calon jelas tidak kritis dan analitis. Mereka hanya menyalin kandungan ayat akhir dalam teks, iaitu “persatuan penduduk, sektor Rukun Tetangga, dan Jawatankuasa masjid atau surau harus bergerak secara aktif untuk menghidupkan semangat kejiranan dalam masyarakat.” Idea ini tidak tepat kerana ia terlalu khusus. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan “faktor kelunturan semangat kejiranan dan langkah untuk mengatasinya”. Jawapan sebegini tidak tepat dan calon tidak diberikan sebarang markah.

Soalan 24

Soalan ini menghendaki calon memberikan ulasan tentang pernyataan teks, iaitu khusus tentang aktiviti yang boleh dijalankan oleh institusi tertentu untuk menghidupkan semula semangat kejiranan dalam

masyarakat di negara ini. Markah penuh bagi soalan ini ialah 20 markah dan panjang jawapan calon mestilah tidak melebihi 150 patah perkataan. Calon sepatutnya menyatakan aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh penduduk. Jawapan harus dipersembahkan dengan mengemukakan isi utama, huraian isi utama, diikuti oleh contoh, dan huraian contoh. Antara isi utamanya adalah seperti yang berikut:

- (a) Mengadakan gotong-royong
- (b) Mengaktifkan institusi Rukun Tetangga
- (c) Melakukan aktiviti ziarah-menziarah
- (d) Mengadakan Hari Keluarga
- (e) Mendapatkan maklumat tentang isi rumah
- (f) Mengadakan aktiviti sukan/lawatan
- (g) Mengadakan rumah terbuka semasa hari perayaan

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat dan memberikan huraian berserta dengan contoh yang baik. Ada calon yang berjaya memperoleh markah melebihi 15 markah. Namun demikian, ada calon yang memberikan isi yang bertindan, tiada contoh, dan tiada huraian yang sesuai atau tidak relevan dengan isi utama. Hal ini menyebabkan jawapan mereka tidak kemas dan kesannya, mereka gagal memperoleh markah yang baik. Hal ini menunjukkan bahawa kumpulan calon ini tidak menguasai teknik menjawab soalan ini. Calon yang lemah juga memberikan fokus jawapan kepada peranan institusi, seperti sekolah, masjid, Rukun Tetangga, dan lain-lain, bukannya kepada aktiviti. Kelemahan calon yang amat ketara adalah dari segi bahasa. Bahasa mereka lemah kerana terdapat banyak kesalahan struktur ayat dan aspek bahasa yang lain. Kebanyakan calon juga gagal menjawab dalam bentuk wacana yang utuh. Mereka tidak dapat memperlihatkan ciri kohesi dan koheren dalam jawapan mereka. Selain itu, ada juga calon yang menjawab soalan ini dengan menulis pendahuluan dan penutup. Hal ini merugikan mereka dari segi jumlah perkataan.

BAHAGIAN C: Penulisan Esei Tidak Berformat

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab satu daripada tiga soalan esei yang diberikan. Markah penuh bagi bahagian ini ialah 50 markah. Calon perlu menulis satu esei yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan soalan yang dipilih.

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian ini adalah sederhana. Calon yang berprestasi tinggi berjaya memperoleh markah melebihi 35 markah, namun bilangannya kecil. Calon yang berprestasi tinggi dapat mengemukakan isi yang relevan dan mencukupi dari segi jumlah isi yang diperlukan. Calon ini dapat menghuraikan isi dengan jelas dan meyakinkan. Bahasa mereka juga lancar dan berkesan, dan mereka mampu mengemukakan isi dengan menggunakan bahasa yang menarik. Tegasnya, calon mampu menghasilkan esei yang menunjukkan ciri wacana yang utuh. Walau bagaimanapun, calon yang seperti ini jumlahnya tidaklah ramai.

Calon yang sederhana prestasinya hanya dapat memberikan tiga hingga empat isi yang relevan dengan huraian yang baik. Walau bagaimanapun, umumnya, kelemahan mereka dapat dikesan dari segi kegagalan mereka menghuraikan isi dengan kukuh dan mantap serta relevan dengan isi utama yang dikemukakan pada awal perenggan. Huraian yang ditulis oleh calon tidak menyokong isi utama, iaitu tidak memberikan huraian tentang bagaimanakah isi utama itu dapat dicapai. Dengan kata lain, tidak wujud koheren antara ayat demi ayat yang ditulis oleh calon.

Calon yang lemah pula gagal memberikan isi yang relevan dan bernas, manakala jumlah isi yang dikemukakan juga kurang daripada yang sepatutnya. Huraian isi mereka juga lemah, di samping terdapat isi yang remeh, bertindan, dan huraian yang berulang.

Dari segi bahasa, prestasi calon juga ketara lemah. Mereka tidak menguasai kemahiran membina ayat dengan betul. Kebanyakan ayat yang dibina merupakan ayat yang tergantung, panjang berjela-jela, berbelit-belit, ayat tidak mendukung makna yang jelas dan lengkap, ayat mengandungi kesalahan frasa, kesalahan penggunaan imbuhan, diksi, ejaan, tanda baca, dan kesalahan-kesalahan bahasa yang lain.

Antara contoh kesalahan ayat ialah:

*Dasawarsa ini sering meniti dari bibir ke bibir umat manusia di segenap empat penjuru dunia ini tentang pentingnya ilmu sejarah.

*Kerajaan hendaklah berganding bahu mewajibkan mata pelajaran Sejarah di seluruh sekolah.

*Apabila pelajar mengkagumi, maka perjuangan tokoh-tokoh terdahulu mereka akan meletakkan menyanjung serta memperingati pejuang tanah air.

Antara kesalahan bahasa yang lain yang kerap dilakukan oleh calon ialah kesalahan penggunaan penanda wacana. Sebagai contoh, penanda wacana penghubung kesimpulan “oleh itu” dan “jadi” digunakan pada kebanyakan ayat yang tidak memerlukannya. Di samping itu, ramai calon yang memulakan ayat dengan menggunakan kata hubung, seperti “justeru”, “lantaran”, “manakala”, “tetapi”, “malahan”, dan lain-lain yang menyebabkan ayat yang dibina itu tergantung.

Contohnya:

*Bagi kakitangan kerajaan hendaklah menggunakan batik.

*Justeru itu, kerajaan perlu memberikan bantuan.

*Sementelahan pula, pihak swasta memberikan sokongan.

Selain itu, ada juga calon yang menggugurkan pasangan bagi kata hubung berpasangan, misalnya, “Pelajar sekolah rendah mahupun pelajar sekolah menengah...” Ayat ini tidak mengandungi pasangan bagi kata hubung “mahupun”. Satu lagi kesalahan struktur yang kerap dilakukan oleh calon ialah kesalahan binaan ayat pasif kata ganti nama diri orang ketiga. Sebagai contoh, calon kerap membina ayat seperti “Tindakan itu dia/mereka telah ambil” dan “...yang pihak kerajaan laksanakan.”

Selain itu, kesalahan binaan ayat aktif transitif juga sering dilakukan oleh calon. Contohnya, “Mereka yang menceburi dalam bidang industri...” dan “Mereka meluaskan lagi...” Satu lagi kesalahan yang juga banyak dilakukan oleh calon ialah kesalahan membina frasa yang bersifat lewah, seperti “banyak faktor-faktor”, “kebanyakan guru-guru”, “pelbagai corak-corak batik”, “selain daripada itu”, “di samping itu juga”, “dieksport ke luar negara”, “memperbanyakkan kempen-kempen”, “sebab mengapa”, “seseorang individu”, “saling bantu-membantu”, dan sebagainya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa calon tidak menguasai tatabahasa dan aspek bahasa secara keseluruhan sehingga menyebabkan idea mereka tidak dapat disampaikan dengan jelas dan berkesan.

Dari segi persembahan pula, calon yang berprestasi tinggi berupaya mengolah esei dengan kemas dan berkesan. Esei mereka dapat menyerlahkan ciri kohesi dan koheren dengan baik sekali dalam jumlah perkataan yang ditetapkan. Calon yang lemah pula jelas tidak menguasai kemahiran mengarang. Mereka menulis esei tanpa perancangan dan menulis apa-apa sahaja yang terfikir secara spontan. Disebabkan calon menulis tanpa perancangan, mereka memuatkan isi lebih daripada satu dalam satu perenggan yang sama. Apabila calon menulis lebih daripada satu isi dalam satu perenggan, mereka akan kehilangan markah huraian kerana huraian mereka tidak lagi berfokus kepada isi utama. Selain itu, calon tidak membuat perancangan dari segi pemerenggan. Hasilnya, ada esei yang pendahulunya terlalu panjang kerana ia memuatkan atau menyenaraikan isi-isi penting, ada yang terlalu pendek, manakala kesimpulannya pula terlalu ringkas dan tidak merumuskan perkara yang telah dibincangkan. Perenggan isi juga demikian,

ada yang terlalu pendek, dan ada pula yang berjela-jela. Hal ini menyebabkan olahan atau binaan esei itu menjadi lemah dan kesannya, calon gagal memperoleh markah yang baik.

Selain itu, terdapat juga calon yang jelas tidak membaca pernyataan soalan dengan teliti dan tidak memahami kehendak soalan dengan betul. Kesannya, terhasillah sebuah esei yang amat lemah, bukan sahaja dari segi isi, penggunaan bahasa, malah binaan dan olahan esei itu sendiri. Kebanyakan calon sebegini memperoleh markah kurang daripada 20 markah. Ada calon yang menulis esei yang panjangnya melebihi 650 patah perkataan, dan ada calon yang menulis esei kurang daripada 650 patah perkataan. Kesannya, ada bahagian esei calon yang terpaksa dipotong atau markah bahasanya ditolak kerana esei pendek.

Kelemahan calon yang lain ialah ada calon yang menulis pendahuluan secara “pasang siap” atau secara menghafal. Hal ini amat ketara pada beberapa pusat peperiksaan. Misalnya, untuk soalan 25, calon menulis pendahuluan seperti susunan yang berikut:

- Ayat pertama: mengemukakan definisi batik
- Ayat kedua: menyalin sebahagian daripada pernyataan soalan
- Ayat ketiga: menyatakan pendapat Perdana Menteri atau mantan Perdana Menteri tentang batik
- Ayat keempat: menyatakan statistik Jabatan Perangkaan Negara tentang penggunaan batik.
- Ayat seterusnya: Usaha yang perlu dilakukan untuk...

Untuk memanjangkan pendahuluan, calon seolah-olah dilatih supaya menulis perkara yang kelihatan seperti benar, sedangkan perkara itu amat diragui ketepatannya, iaitu pernyataan oleh Perdana Menteri dan statistik daripada Jabatan Perangkaan Negara. Perkara ini juga wujud dalam esei calon bagi soalan 26 dan 27.

Selain itu, ada calon yang menggunakan bahasa yang bombastik dan mengemukakan peribahasa dalam karangan. Ini merupakan lanjutan kebiasaan calon sewaktu menulis karangan semasa berada dalam tingkatan lima. Jelas juga bahawa kebanyakan calon sukar merancang masa untuk menjawab semua soalan dengan lengkap. Akibatnya, ada soalan yang tidak sempat dijawab, jawapan tidak lengkap atau tidak selesai, dan esei terlalu pendek.

Komen soalan demi soalan

Soalan 25

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah esei tentang langkah-langkah yang wajar dilaksanakan untuk memajukan industri batik di negara ini. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Memberikan pengiktirafan kepada pengusaha atau penggiat batik
- (ii) Membuka pusat atau institut kemahiran pembuatan batik dengan lebih banyak
- (iii) Menawarkan bantuan kewangan atau pinjaman kepada pengusaha atau kepada mereka yang berminat
- (iv) Memperluas atau memperhebat promosi
- (v) Mempelbagaikan motif atau tema batik

- (vi) Mempelbagaikan produk berunsurkan batik
- (vii) Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang seni batik
- (viii) Menjadikan batik sebagai pakaian rasmi
- (ix) Mengetengahkan hasil batik di premis-premis awam dan swasta sebagai bahan hiasan atau pameran
- (x) Menarik kemasukan pelabur asing dalam industri batik
- (xi) Menggunakan teknologi canggih dalam pembuatan batik

Calon yang berprestasi tinggi dapat menulis esei bagi tajuk ini dengan baik. Mereka boleh mengemukakan isi yang bernas dan matang, dan berupaya untuk menghuraikan isi berkenaan dengan memberikan contoh yang jelas dan relevan. Kebanyakan calon mengemukakan isi (ii), (iii), (iv), (v), (vi), dan (viii). Bahasa dan persembahan mereka juga kemas dan lancar.

Calon yang lemah pula hanya mengemukakan isi utama. Mereka gagal untuk memperkembang isi dengan kukuh dan mantap. Ada juga calon yang mengemukakan isi yang bertindan, misalnya isi yang berkaitan dengan iklan dan promosi diasingkan sebagai dua isi yang berbeza. Isi yang berkaitan dengan usaha mempelbagaikan corak batik diasingkan daripada isi yang berkaitan dengan usaha menghasilkan batik mengikut cita rasa pengguna. Isi yang berkaitan dengan mengadakan kempen pula diasingkan daripada isi yang berkaitan dengan mengadakan pameran, dan isi tentang promosi di dalam negara diasingkan daripada isi yang berkaitan dengan promosi di luar negara. Persembahan yang sedemikian tidak diberikan markah yang baik kerana isi yang kedua itu hanya dikategorikan sebagai isi lanjutan. Dengan kata lain, calon gagal mengemukakan isi yang lebih luas lingkungannya.

Terdapat calon yang memberikan isi yang tidak bernas, misalnya dengan mencadangkan agar ditawarkan kursus membuat batik di kolej dan di universiti, ibu bapa harus mengajar anak-anak membuat batik atau memperkenalkan anak-anak kepada seni batik sejak kecil, mengajak remaja melawat kilang batik dan meminta mereka membuat batik untuk diri mereka sendiri, dan sebagainya. Ada juga calon yang memberikan cadangan yang kesemuanya dikaitkan dengan langkah yang harus dilakukan oleh kerajaan. Mereka beranggapan bahawa langkah memajukan industri batik merupakan tanggungjawab kerajaan semata-mata. Selain itu, kelemahan calon juga ketara dari segi bahasa dan huraian. Calon hanya mengulangi perkara yang sama untuk memanjangkan huraian isi. Terdapat calon yang dapat mengemukakan isi tentang langkah tetapi huraian bercampur aduk antara langkah dengan kebaikan penggunaan batik.

Soalan 26

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan kepentingan mengajarkan mata pelajaran Sejarah dalam kalangan pelajar di sekolah. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Menjadi iktibar agar kita tidak melakukan kesalahan yang pernah dilakukan oleh orang-orang yang terdahulu
- (ii) Membolehkan kita mempelajari kejayaan bangsa dan negara
- (iii) Menanam semangat untuk menghargai kemerdekaan dan kedaulatan negara
- (iv) Membolehkan kita mengenali budaya kita dan membentuk jati diri
- (v) Mengenali dan menghargai tokoh negara dan tempat-tempat bersejarah dalam negara
- (vi) Memupuk minat dalam bidang sejarah
- (vii) Membentuk warga yang setia dan cinta akan negara
- (viii) Memahami kewujudan masyarakat majmuk di negara ini, dan seterusnya menyemai semangat perpaduan

Ramai calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Mereka dapat mengemukakan isi-isi yang relevan, terutamanya isi (i), (ii), (iii), (iv), (v), dan (vii) dengan memberikan huraian dan contoh yang sesuai. Keupayaan calon ini mungkin disebabkan mereka telah melalui pembelajaran mata pelajaran Sejarah sejak dalam tingkatan empat dan lima. Namun demikian, terdapat calon yang tidak dapat memperkembangkan isi dengan jelas, mantap, dan berkesan. Walaupun mereka dapat memberikan isi utama dengan betul dan relevan, mereka gagal memberikan contoh yang sesuai. Selain itu, ramai juga calon yang memberikan contoh yang berkaitan dengan kajian sejarah negara lain. Hal ini tidak menepati kehendak soalan.

Kelemahan lain yang ditunjukkan oleh calon ialah mereka mengaitkan kepentingan pengajaran mata pelajaran Sejarah dengan kaedah atau situasi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Sebagai contoh, mereka mengatakan mata pelajaran Sejarah boleh memupuk perpaduan kerana pelajar daripada pelbagai kaum boleh mengadakan perbincangan bersama-sama semasa belajar, menyediakan kerja kursus bagi mata pelajaran Sejarah bersama-sama, dan melaksanakan aktiviti kokurikulum bersama-sama. Bagi mereka, aktiviti pembelajaran yang sedemikian dapat memupuk perpaduan antara sesama mereka. Hal ini sebenarnya tidak menepati kehendak soalan. Jika calon mengatakan bahawa mata pelajaran Sejarah dapat memupuk perpaduan, calon seharusnya membuktikan bahawa dengan mengetahui sejarah kewujudan kepelbagaian kaum di negara ini, maka akan timbul perasaan faham-memahami dan hormat-menghormati dalam kalangan mereka yang terdiri daripada pelbagai kaum itu dan seterusnya terbentuklah perpaduan.

Selain itu, ramai juga calon yang memberikan kepentingan yang umum, kurang relevan, dan remeh, misalnya mata pelajaran Sejarah dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar, dapat mendisiplinkan pelajar, dapat mengelakkan pelajar daripada gejala sosial, dapat menambah pengetahuan pelajar, dan menjadikan mereka berdisiplin dan lulus dalam peperiksaan serta akan menjadi guru sejarah.

Soalan 27

Soalan ini menghendaki calon menulis esei tentang faktor wujudnya sambutan yang menggalakkan terhadap produk kecantikan dan rawatan kecantikan dalam kalangan pengguna dan menghuraikan kesan negatif daripada penggunaannya. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

Faktor wujudnya sambutan:

- (i) Kehebatan pengaruh iklan dan promosi produk tersebut
- (ii) Peningkatan kesedaran untuk menjaga kecantikan diri
- (iii) Penubuhan pusat rawatan dan penghasilan produk kecantikan yang banyak
- (iv) Jenama produk yang terkenal dan pilihan produk yang pelbagai
- (v) Ada pengesahan atau testimoni tentang keberkesannya
- (vi) Mudah dibeli atau diperoleh di pasaran
- (vii) Rawatan boleh dibuat di rumah pengguna sendiri
- (viii) Pengaruh daripada pengguna lain yang telah berpuas hati
- (ix) Adanya tawaran atau pakej yang menarik

Kesan negatif:

- (x) Kecacatan pada wajah (bagi yang melakukan pembedahan)
- (xi) Memupuk sifat boros
- (xii) Menjejaskan kesihatan (bagi produk yang dimakan atau diminum)
- (xiii) Menyebabkan alahan pada kulit (bagi produk yang disapu)

Ramai calon yang memilih soalan ini dan kebanyakannya dapat menulis esei dengan baik. Calon mengemukakan isi (i), (ii), (iii), (iv) dan (vi), iaitu isi tentang faktor, manakala isi yang berkaitan dengan kesan negatif, kebanyakan calon dapat mengemukakan isi (x), (xi), dan (xiii). Calon yang berprestasi tinggi dapat menghuraikan faktor-faktor itu dengan jelas di samping memberikan contoh-contoh yang relevan dan meyakinkan. Ada juga calon yang dapat menggunakan istilah-istilah yang tepat dengan laras yang berkenaan, misalnya “kulit yang anjal”, “pigmentasi”, “benzoiil peroksida”, “selulit”, dan sebagainya.

Calon yang lemah pula hanya berupaya mengemukakan isi penting. Mereka tidak mampu memperkembang isi dengan berkesan dan meyakinkan. Ada segelintir calon yang membincangkan kesan negatif selepas mereka menjelaskan faktor sambutan dalam satu perenggan. Kaedah penulisan ini tidak sesuai. Ada calon yang memberikan isi yang kurang munasabah, misalnya dengan mengatakan bahawa penggunaan produk kecantikan akan menyebabkan penyakit barah dan penyakit kronik yang berbahaya, sedangkan penggunaan produk kecantikan dan rawatan kecantikan bukanlah penyebab utama kes barah. Ada juga calon yang mengaitkannya dengan hukum agama, misalnya mereka akan mendapat dosa kerana mencantikkan muka itu hukumnya haram. Isi yang remeh-temeh juga ada, misalnya mereka menyatakan bahawa pengguna menggunakan produk kecantikan untuk tujuan pekerjaan, seperti menjadi pramugari, artis, dan jurujual, di samping isi lain yang bertindan yang menggambarkan bahawa calon tidak kritis dan tidak analitis dalam memikirkan isi yang tepat. Selain itu, terdapat juga calon yang mempunyai pengetahuan yang terbatas tentang produk kecantikan sehingga mereka tidak dapat memberikan contoh yang sesuai dan betul, malah sesetengahnya tidak mampu mengeja contoh tersebut dengan betul, misalnya “Simplicity” dieja sebagai “Simple Siti”. Ada juga calon yang memberikan ulasan yang umum sahaja, misalnya penggunaan produk kecantikan dan rawatan kecantikan itu tidak menunjukkan bahawa mereka bersyukur pada pemberian tuhan dan cuba menandingi kecantikan orang lain.

Bahasa Arab (913/1)



PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal 1 ini, sebanyak 1,640 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 38.90% daripadanya telah lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	3.66	2.38	1.16	2.86	7.14	11.03	10.67	3.66	8.66	3.96	44.82

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada penggal ini adalah lemah. Terdapat seorang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 54 markah daripada markah penuh 70 markah dan dua orang calon mendapat markah terendah, iaitu 1 markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian pemahaman, karangan, dan tatabahasa adalah lemah. Dua soalan, iaitu soalan 6 dan 8 ialah soalan yang beraras mudah kepada calon. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam soalan tersebut biasa digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran serta mudah difahami. Soalan 1, 2, 3, 4, dan 5 pula ialah soalan aras sederhana, manakala soalan 7, dan 9 ialah soalan aras sukar.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN I: Kefahaman

Soalan 1

Soalan (a), (b), (c), dan (d) menghendaki calon mengemukakan jawapan berdasarkan teks yang diberi. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Terdapat juga calon yang sukar memahami teks yang diberikan. Mereka memetik mana-mana ayat atau bahagian petikan untuk dijadikan jawapan tanpa mengambil kira kehendak tugas soalan. Soalan (e) pula menghendaki calon menerangkan maksud perkataan yang berlawanan. Kebanyakan calon hanya dapat menjawab dua daripada empat perkataan yang diberikan. Soalan (f) pula menghendaki calon membina ayat lengkap berdasarkan perkataan yang diberikan. Kebanyakan calon hanya dapat menjawab dua daripada empat perkataan yang dikehendaki. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam ilmu nahu dan saraf selain daripada lemah dalam penguasaan perbendaharaan kata.

BAHAGIAN II: Karangan**Soalan 2**

Soalan 2 menghendaki calon membincangkan kesan pembakaran hutan secara terbuka yang dilakukan oleh pihak tertentu untuk dijadikan kawasan pertanian dan menerangkan cara penyelesaiannya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menyatakan kesan pembakaran hutan, iaitu berlakunya pencemaran udara seperti jerebu, tanah menjadi gondol dan mudah terhakis, bumi menjadi lebih panas kerana kurangnya pokok-pokok, dan hidupan liar terancam kerana habitatnya musnah. Calon juga mengemukakan cara mengatasi masalah ini, seperti menguatkuasakan undang-undang dan pemantauan oleh pihak yang berkenaan.

Soalan 3

Soalan 3 menghendaki calon membincangkan kepentingan menjaga hak jiran. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Mereka mengemukakan beberapa hak jiran, seperti menghormati, menziarahi, mengambil berat kesihatan, menjaga aib dan rahsia, menasihati serta tidak mencampuri urusan rumah tangga mereka.

Soalan 4

Soalan 4 menghendaki calon membincangkan perkara yang perlu dilakukan oleh seseorang individu sebagai tanda cinta akan tanah airnya. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini mempunyai idea untuk disampaikan. Namun demikian, calon tidak dapat mengolah idea mereka dengan baik kerana mereka lemah dalam membina ayat. Antara perkara yang perlu dilakukan oleh seseorang individu sebagai tanda cinta akan tanah airnya adalah menjaga nama baik negaranya, mempertahankannya daripada diceroboh, dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memajukannya.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menyatakan peranan ibadat solat dalam mendidik akhlak seseorang Muslim. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat mengemukakan isi dengan baik. Antara peranan ibadat solat adalah dapat mendidik jiwa manusia agar lebih amanah, sabar, syukur, dan berdisiplin dalam melakukan sesuatu perkara serta dapat mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.

BAHAGIAN III: Saraf**Soalan 6**

Soalan ini menghendaki calon mengubah kedua-dua kata kerja yang diberikan kepada *feel mudari*, *masdar*, *isim fa'ail*, *isim maful*, dan *feel amar*. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini hanya dapat menjawab tiga daripada lima soalan yang dikemukakan, iaitu *feel mudari*, *isim fa'il*, dan *isim maful*. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam penguasaan saraf. Calon sepatutnya menggunakan kaedah tertentu bagi mengubah kedua-dua kata kerja yang diberikan kepada *feel mudari*, *masdar*, *isim fa'il*, *isim maful*, dan *feel amar*.

Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon mengenal pasti lima *isim ma'na* dan menggunakannya dalam ayat yang sempurna. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini hanya dapat menjawab tiga daripada lima perkataan yang diberikan. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam penguasaan saraf, terutamanya dalam tajuk *isim ma'na*. Calon sepatutnya mengenal pasti *isim ma'na* yang terdapat dalam teks yang diberikan terlebih dahulu sebelum menggunakannya dalam ayat yang sempurna,

BAHAGIAN IV: Qawaid

Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon mengenal pasti *jumlah ismiah* dan *jumlah fi'liyah* dalam contoh yang diberikan serta menyatakan *khobar* dan *fa'ilnya*. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini hanya dapat menjawab dua daripada lima soalan yang diberikan. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam penguasaan tatabahasa, terutamanya topik *jumlah ismiah* dan *jumlah fi'liyah*. Kebanyakan calon menjawab *khobar* bagi *jumlah fi'liyah* dan *fa'il* bagi *jumlah ismiah*, sedangkan jawapan yang dikehendaki adalah sebaliknya.

Soalan 9

Soalan (a) menghendaki calon memasukkan *huruf jar* atau *huruf nafi* yang sesuai ke dalam teks yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Mereka dapat menggunakan *huruf jar* dan *huruf nafi* bersesuaian dengan teks yang diberikan. Hal ini demikian kerana calon menguasai topik tersebut selain penggunaan bahasa yang mudah dalam teks tersebut. Soalan (b) pula menghendaki calon membariskan perkataan yang bergaris dalam teks yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini tidak dapat menjawabnya dengan baik. Mereka tidak dapat menguasai kaedah yang betul dalam mengenal pasti *fa'il*, *maf'ul*, *majrur*, dan *majzum*. Hal yang demikian disebabkan calon lemah dalam bidang nahu. Calon sepatutnya mengenal pasti *fa'il* dan membariskannya dengan baris *marfu'*, baris *mansub* bagi *maf'ul*, baris *kasrah* bagi *majrur*, dan *sukun* bagi *majzum*.

Literature in English (920/1)

OVERALL PERFORMANCE

67 candidates sat for this subject in Term 1, 2015 and 37.31% obtained full pass. The percentage of each grade is as follows:

Grade	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Percentage	1.49	1.49	1.49	4.48	8.96	4.48	14.93	8.96	8.96	4.48	40.28

General overview

For Paper 1, candidates are required to study the 22 poems and 12 Malaysian Short Stories prescribed in the syllabus. Section A requires candidates to analyse a given poem or excerpt from a short story. Answers must focus entirely on the particular poem or excerpt, demonstrating a close reading of, and a critical response to it. No reference should be made to extraneous details not found in the excerpt. For Sections B and C, candidates are required to answer compulsory essay questions on any two poems and short stories from the syllabus. Answers will require close reference to the poems and short stories chosen and must be relevant, critical and informed. Candidates must provide appropriate textual evidence to support their answers. Candidates, therefore, have to answer a total of three questions and each question carries 25 marks.

RESPONSES OF CANDIDATES

General comments on candidates' answers

Generally, the quality of answers showed both inability to analyse text and poor command of English. This led to issues in actually understanding the texts and even the questions. In some cases, it was very obvious that the candidates were all following almost the same template, concluding their essays with the phrase "in a nutshell". This phrase should then be followed by a concise recap of the essay. However, they provided their own judgements about the content of the extracts. There was also a problem of extreme shallowness of thought, or unawareness of social reality. For example, majority of the candidates, when writing about gender discrimination, stated that this is a problem of the past, and there is no such thing as gender discrimination any more. Candidates should be discouraged from making such sweeping, black-and-white statements in favour of developing more subtle and layered responses. There was also an issue with candidates not knowing how to support their points with textual evidence. Another important point was choice of texts. In the essay section, candidates are required to answer using any two texts from the syllabus. Some of the choices were inappropriate to the questions, especially for Question 3. Candidates chose poems that had nothing to do with song at all. This suggested that they only concentrated on a few poems and stories, thus forced to base their answers on those poems and stories concentrated, regardless of their relevancy.

Comments on individual questions

SECTION A: Critical Appreciation

Question 1

This question required candidates to identify what is ironic in the poem *At Tea* by Thomas Hardy, and then explain how the descriptions in the poem highlight the irony of the situation.

Candidates are expected to explain how the cosy domestic situation, the wife's happiness and feeling of security and innocence, her husband's glance and the guest's sweet demeanour highlight the irony of the situation.

In general, the candidates were not able to use the descriptions in the poem to highlight the irony of the situation. They misinterpreted the poem and speculated without any textual evidence. There was no explanation of how patterns of rhyme could bring out irony. The candidates' responses showed that the candidates either did not understand the term 'irony' or understood it but were unable to explain the term.

Question 2

For this question, candidates are required to describe how Chranpal's anxiety is portrayed in the extract taken from *Pasang* by Pretam Kaur.

Candidates are required to describe Chranpal's skill with his top in comparison with the other boys, his growing anxiety and fear as depicted in the dialogue, the inner tension as reinforced by his physical state, his need to invoke supernatural protection in the face of fears and adversaries, and the slow but steady destruction of his top.

The candidates' responses showed that they were able to describe Chranpal's anxiety as portrayed in the extract. However, the candidates' responses also indicated that they were better at summarising than analysing as they were unable to link the textual evidence to the idea of anxiety posed in the question. There were very few factual errors or misinterpretations.

SECTION B: Poems

Question 3

This question required candidates to elaborate on the significance of song in any two poems prescribed in the syllabus.

Candidates should be able to pick appropriate poems such as *The Solitary Reaper* by William Wordsworth, *To Autumn* by John Keats, or *Piano* by D.H. Lawrence. In Wordsworth's *The Solitary Reaper*, candidates should elaborate on how the persona enraptured by song singing of a Highland Lass ...*I saw her singing at her work. As the speaker moves on, he carries the music of the young lady with him in his heart ...as I mounted up the hill/The music in my heart I bore...* Despite not understanding her words ...*will no one tell me what she sings?* The singing or song triggers questions in the persona ...*perhaps...And battles long ago..., Or is it....?*

Meanwhile, in Lawrence's *Piano*, candidates could elaborate their responses on how the song brings back childhood memories of a specific instance in childhood, for example the memories of the persona sitting at his mother's feet while she played the piano, *Sadly in the dark, a woman is singing to me.* Candidates

could also elaborate on how songs reflect thoughts and feelings of the persona significantly ...*insidious mastery of song/Betrays me back...*, ...*the heart of me weeps to belong/To the old Sunday evenings at home...*, ...*Down in the flood of remembrance, I weep like a child for the past.*

Generally, choice of poems for discussion was a major problem. Even if the candidates did choose appropriate poems, analysis often did not go beyond descriptions of the songs or music. The candidates' responses indicated poor command of English and general knowledge and an inability to contextualize the poems.

SECTION C: Short Stories: Malaysian Short Stories

Question 4

This question required candidates to discuss the issue of gender discrimination in any two short stories prescribed in the syllabus.

Candidates should be able to choose appropriate short stories such as *Birthday* by M. Shanmugalingam and *Through the Wall* by Pretam Kaur although other relevant stories may be used.

In Shanmugalingam's *Birthday*, candidates are expected to discuss the issue of gender discrimination because attitudes differ as we can see the refusal of Gana's father-in-law, Arumugam to even contemplate having a granddaughter is clear evidence of gender preference and discrimination. Arumugam is an overpowering patriarchal figure as he is described as *towering over the crowd* of relatives in the hospital waiting for the delivery. That he expects respect and obedience from all is reinforced by the adjective *totem-like*. The issue of dowry also haunts this story as we are told that Gana himself, a mere clerk, only got to marry his wife because the family had too many daughters to be able to give his wife, Santha, a good dowry. Girls are thus seen more of a burden than boys.

In addition, the writer links the gender issue to other kinds of stereotyping such as the hint that girls cannot be smart enough to tackle the sciences in school and therefore few girls will become doctors and engineers. Mr. Arumugam has already carved out a future for his unborn grandson (he had decreed that it will be a boy and will brook no opposition): *I tell you my grandson will not only be a doctor, he'll be a specialist.*

As attitudes differ, Gana is not at all like his father-in-law. For Gana, *as long as Santha was alright and the child was healthy, he did not give a damn if it was a boy or a girl.* The unexpected turn at the end of the story when the nurse announces that there was a mistake. The baby boy, whom everyone says looks much like the parents, turns out to be someone else's child and Santha has in fact given birth to a baby girl. Through humor in this story, it makes the gender bias seem less painful in tone; however the critique of gender bias is still central.

By contrast, the issue of gender discrimination is painfully experienced by the Chinese mother in *Through the Wall* as Pretam Kaur paints the suffering of the mother who has to give up her baby girl. The use of a child's point of view, the observations of a mind not yet able to understand gender discrimination, ironically makes the story more tragic as readers; supply the deeper meanings to the anger of the grandfather and the suffering of the young mother. The Chinese grandfather in this story is seen as a cruel patriarchal figure who also brooks no arguments so each vicious scolding session is only met with silence from the woman who clearly is rendered mute in that family.

The giving away of the baby girl to people of another race shows how little a baby girl is valued as the family is prepared to traverse racial and religious boundaries, just to rid themselves of a *burden* which is

what the baby girl is in the grandfather's eyes. The skillful paralleling of the calf and the baby girl, both born at the same time, reinforces the tragic blurring of the human and the animal. For the grandfather, the girl must be much less valuable than a calf.

On the whole, the candidates' responses showed a very superficial understanding of the topic of gender discrimination as majority of them were not able to identify the incidents in the stories chosen which indicate gender discrimination and explain how they indicate that gender discrimination is going on. Candidates also were hardly able to contextualize their remarks according to social class, history and cultural background within the stories chosen.

Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Sebanyak 5,814 calon telah menduduki peperiksaan Penggal 1 bagi mata pelajaran ini. Peratusan calon yang lulus penuh mata pelajaran ini pada penggal ini ialah 63.16%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.95	5.88	6.35	11.56	10.45	11.07	11.90	7.43	9.55	7.45	12.41

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kekuatan jawapan calon terletak pada perancangan yang baik, terutamanya dalam mengemukakan jawapan yang terdiri daripada fakta, huraian, dan contoh. Kelemahan jawapan calon pula terletak pada kemahiran teknik menjawab soalan yang rendah dan kurang menepati kehendak kata tugas seperti kata tugas soalan “bincangkan”. Hal ini menyebabkan jawapan calon tidak jelas, tidak berkaitan, dan umum.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: *Puisi*

Soalan 1

Soalan ini terbahagi kepada dua pecahan berdasarkan seloka yang berjudul “Pandai Pak Pandai” yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan (a) menghendaki calon membincangkan aspek keindahan yang terdapat dalam seloka tersebut. Kebanyakan calon mengemukakan aspek keindahan puisi tersebut yang terhad kepada aspek gaya bahasa semata-mata. Calon sepatutnya juga mengemukakan aspek humor, sindiran, teknik penulisan, mesej, pemikiran, dan sebagainya. Selain itu, calon sepatutnya membincangkan setiap aspek tersebut dengan mengemukakan contoh petikan daripada seloka yang diberikan.

Soalan (b) menghendaki calon mengemukakan tafsiran terhadap sikap manusia dalam seloka tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon terhadap asas binaan atau ciri-ciri seloka. Kelemahan calon menguasai puisi tersebut jelas terpapar kerana didapati kebanyakan calon mengemukakan huraian yang kurang jelas dan contoh yang kurang tepat. Tafsiran calon terhadap sikap manusia dalam seloka tersebut sepatutnya menjurus kepada sikap mengutamakan orang dagang, gopoh dalam melakukan tindakan, mudah terpedaya, meniru membabi buta, tidak pandai membuat pertimbangan, dan sebagainya.

Soalan 2

Soalan ini terbahagi kepada dua pecahan berdasarkan sajak yang berjudul “Di Titian Kemerdekaan” karya Dharmawijaya yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan jenis gaya bahasa perbandingan yang terdapat dalam sajak tersebut. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jenis gaya bahasa perbandingan, seperti personifikasi, metafora, dan hiperbola sebagai jawapan. Walau bagaimanapun, terdapat kecenderungan calon mengemukakan jenis gaya bahasa perulangan tanpa mengambil kira kehendak soalan yang memberi fokus kepada jenis gaya bahasa perbandingan sahaja.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan mesej yang ingin dikemukakan oleh penyajak dalam sajak tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon terhadap setiap baris dan rangkap sajak tersebut. Kelemahan calon menguasai sajak tersebut ketara dengan jelas kerana kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan mesej yang ingin dikemukakan oleh penyajak dengan baik dan mengemukakan mesej yang berulang-ulang. Selain itu, calon juga didapati tidak menguasai teknik menjawab soalan berdasarkan kata tugas “bincangkan” yang memberikan penekanan terhadap aspek penghujahan. Calon sepatutnya mengemukakan mesej, seperti cinta akan tanah air mewujudkan negara merdeka, menjaga kedaulatan negara tanggungjawab bersama, pertahankan tanah air penting kepada setiap rakyat, dan sebagainya.

BAHAGIAN B: Prosa Tradisional

Soalan 3

Soalan ini terbahagi kepada dua pecahan berdasarkan pernyataan bahawa dalam “Hikayat Hang Tuah (Bab VII) yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*, Hang Tuah telah berjaya membunuh penjurit dan Taming Sari untuk menyelamatkan maruah dan nyawa Raja Melaka. Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan sifat kepahlawanan Hang Tuah. Kebanyakan calon dapat mengemukakan sifat kepahlawanan Hang Tuah, seperti berani, cekap, pintar, dan setia sebagai jawapan.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan tanggungjawab mereka terhadap negara dalam konteks ini, jika mereka seorang pahlawan. Kebanyakan calon tidak dapat memberi penjelasan tentang tanggungjawab mereka terhadap negara jika mereka seorang pahlawan. Terdapat kecenderungan calon untuk mengabaikan kehendak soalan dengan menulis apa sahaja tentang tanggungjawab mereka terhadap negara tanpa mengaitkannya dengan konteks pahlawan ini. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti berani berjuang untuk mempertahankan negara, cekap menggunakan peralatan, pintar berfikir untuk kemakmuran negara, setia kepada pemimpin, dan sebagainya.

Soalan 4

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa “Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa) yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu* merupakan sebuah cerita rakyat yang menggambarkan kepintaran strategi pemerintah dalam menyelesaikan masalah rakyat. Calon dikehendaki menghuraikan pernyataan tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan strategi yang digunakan watak Syeikh Alam dalam usaha untuk menumpaskan raksasa. Terdapat kecenderungan calon untuk mengemukakan sinopsis atau ringkasan cerita yang memberikan gambaran umum tentang kisah tersebut tanpa arah yang tepat. Selain itu, terdapat calon yang mengemukakan jawapan dalam teknik naratif atau pemerian. Hal ini menggambarkan bahawa calon menguasai kisah tersebut tetapi mengabaikan kehendak soalan. Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan menghuraikan isi tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah mengatur masa, menyediakan

tenaga kerja, menyediakan peralatan, membina senjata, menyediakan umpan, dan sebagainya. Akhir sekali, calon dikehendaki mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

BAHAGIAN C: Prosa Moden

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon membincangkan persoalan yang terdapat dalam cerpen “Melankoli di Atas Rumput” yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon terhadap tema cerpen tersebut sama ada secara tersurat atau tersirat sebagai rujukan asas kepada persoalan. Kelemahan calon untuk memahaminya terserlah kerana kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan persoalan dalam cerpen. Soalan ini tidak popular dalam kalangan calon. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik dan memperoleh markah yang rendah. Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Antara jawapan yang dikehendaki, termasuklah persoalan kehidupan manusia, alam kubur, kematian, pengadilan, penindasan, dan sebagainya. Akhir sekali, calon perlu mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

Soalan 6

Soalan ini terbahagi kepada dua pecahan berdasarkan petikan drama “Asiah Samiah” yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan (a) menghendaki calon membezakan prinsip kebahagiaan yang diutarakan oleh Asiah Samiah Tua dengan Tuan Setiawan Tanjung. Kebanyakan calon tidak dapat menyusun isi jawapan dengan baik. Hal ini disebabkan calon tidak dapat menentukan atau melihat hal yang berbeza tentang prinsip kebahagiaan yang dikemukakan kedua-dua watak. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti Asiah Samiah Tua mengutamakan hati gembira manakala Tuan Setiawan Tanjung mengutamakan cukup makan dan pakai, Asiah Samiah Tua mengutamakan kebahagiaan dalaman manakala Tuan Setiawan Tanjung mengutamakan kebahagiaan luaran, dan sebagainya.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan gambaran masyarakat dalam drama “Asiah Samiah” yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini memerlukan calon memberikan jawapan berdasarkan kata tugas “bincangkan”. Calon hendaklah memaparkan jawapan yang berorientasikan perbincangan. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta gambaran masyarakat dalam drama tersebut, seperti masyarakat yang mementingkan kebahagiaan dari sudut materialistik, masyarakat yang mempertahankan hak, masyarakat yang bersimpati dengan kesusahan orang lain, masyarakat yang menindas, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, mereka memperoleh markah yang rendah disebabkan mereka tidak memaparkan hujahan dalam jawapan. Selain itu, terdapat calon yang tidak menguasai teks drama “Asiah Samiah”. Hal ini telah menjejaskan kelancaran mereka menjawab soalan dengan baik.



PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 1,963 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 67.85%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.05	7.03	8.30	10.75	12.28	9.42	12.02	7.39	4.33	6.32	14.11

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan calon, seperti tidak mampu menguasai dan memahami kehendak soalan dengan baik, tidak menjawab soalan berdasarkan hukum yang ditetapkan oleh para ulama, tidak mempunyai perancangan untuk menjawab soalan, memberikan jawapan yang menyimpang, dan memberikan fakta yang tidak tepat.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Muamalat dan Munakahat

Soalan 1

Soalan (a) (i) menghendaki calon memberikan pengertian wakalah berserta dalil. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah satu akad antara dua pihak, iaitu pewakil dan wakil. Pewakil memberi kuasa kepada wakil untuk melaksanakan sesuatu urusan bagi pihaknya. Soalan (a) (ii) menghendaki calon menerangkan rukun wakalah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah pewakil, wakil, perkara yang diwakilkan, dan sighth. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan empat keadaan yang boleh membatalkan akad wakalah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah mati salah seorang sama ada pewakil atau wakil, hilang keahlian salah seorang pewakil atau wakil, perkara yang diwakilkan rosak atau hilang, perkara yang diwakilkan tidak lagi menjadi milik pewakil, pewakil memecat wakil, wakil menarik diri, dan selesai urusan yang diwakilkan. Soalan (c) menghendaki calon memberikan ulasan tentang amalan wakalah dalam pelantikan peguam syarie di Malaysia. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon tidak menghubungkan amalan pelantikan peguam syarie dengan konsep atau prinsip wakalah. Kebanyakan calon hanya menyatakan kepentingan pelantikan peguam syarie dan peranannya. Sepatutnya calon menyatakan hubungkait antara konsep wakalah dengan pelantikan peguam syarie. Jawapan yang dikehendaki ialah pelantikan peguam syarie berasaskan prinsip wakalah *bil-khusumah*. Hukumnya harus kerana telah memenuhi rukun dan syarat wakalah, dan wakalah akan tamat selepas kes selesai, dan sebagainya.

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon memberikan pengertian hibah dan tiga syarat pemberian harta hibah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah pemberian harta kepada seseorang atas dasar kasih sayang tanpa balasan. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan perbezaan antara hibah *al-‘umara* dengan hibah *al-ruqaba*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon menyatakan hibah *al-‘umara* ialah pemberian kepada anak-anak manakala hibah *al-ruqaba* pemberian kepada pihak lain. Sepatutnya jawapan calon ialah hibah *al-‘umara* ialah pemberian dalam jangka sementara seperti rumah ini aku hibahkan kepada kamu selama kamu hidup, jika kamu meninggal dunia maka rumah tersebut akan kembali semula kepada aku atau warisku. Hibah *al-ruqaba* pula ialah pemberian bersyarat yang ditentukan oleh pemberi hibah, seperti rumah ini aku hibahkan kamu. Jika kamu meninggal dunia dahulu maka rumah tersebut akan kembali kepada aku dan sekiranya aku meninggal dunia dahulu rumah tersebut akan menjadi milik kamu. Soalan (c) menghendaki calon membincangkan status hibah X, iaitu X yang telah disahkan menghidap penyakit kanser kronik sempat menghibahkan separuh hartanya kepada sebuah yayasan anak yatim sebelum meninggal dunia. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon tidak dapat menjelaskan status hibah bagi kes berkenaan samaada boleh dilakukan atau sebaliknya. Sepatutnya jawapan calon ialah hibah berkenaan berlaku dalam keadaan marad maut, iaitu hibah berkenaan tertakluk kepada hukum hibah dan wasiat. Oleh kerana X meninggal dunia dalam keadaan sakit berkenaan, maka hibah yang dilakukan tertakluk kepada hukum wasiat. Oleh itu, status hibah tersebut tidak sah kerana menghibahkan separuh daripada harta dan hibah hanya sah sekadar 1/3 harta sahaja.

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon memberikan pengertian *talak ba’in* dan menerangkan bahagian *talak ba’in*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik iaitu talak yang tidak boleh dirujuk. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan empat sebab berlaku *talak ba’in*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah suami tidak merujuk isterinya dari talak rajie hingga selesai idah, suami menceraikan isterinya sebelum dukhul, berlaku khulu’, talak tiga, fasakh, dan li’an. Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan tiga kepentingan untuk mendapatkan khidmat kaunseling sebelum sesuatu permohonan cerai dikemukakan kepada mahkamah syariah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah masalah rumahtangga dapat dikesan di peringkat awal dan pasangan boleh memperbaiki keadaan, hubungan pasangan menjadi mesra dan harmoni setelah mendapat nasihat dan pandangan daripada pakar, dan konflik rumahtangga dapat diselesaikan melalui rundingan dan tolak ansur selepas proses kaunseling.

BAHAGIAN B: Mirath dan Jenayah

Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan pengertian waris asabah dan dua cara pewarisannya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah waris yang berhak mendapat harta pusaka tetapi tidak ditentukan bahagian atau kadarnya oleh al-Quran, Sunnah, atau Ijmak. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan waris *asabah bi al-nafs* dan waris *asabah bi al-ghair* berserta contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah waris *asabah bi al-nafs* ialah semua waris lelaki yang mempunyai hubungan nasab dengan si mati yang tidak diselangi oleh waris perempuan, manakala waris *asabah bi al-ghair* ialah waris perempuan dalam kalangan waris *ashab al-furudh* yang mewarisi bersama-sama dengan waris lelaki yang setaraf dengan mereka. Contohnya, anak perempuan bersama dengan anak

lelaki atau saudara perempuan seibu sebapa dengan saudara lelaki seibu sebapa. Soalan (c) menghendaki calon menyelesaikan pembahagian harta pusaka seperti yang dikemukakan dalam soalan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah

(i)

Waris	Fardu	Asal Masalah	Saham
Ibu	1/6	6	1
Bapa	<i>Asabah/Baki</i>		5
3 saudara lelaki seibu sebapa	<i>Mahjub</i>		–
Datuk	<i>Mahjub</i>		–

(ii)

Waris	Fardu	Asal Masalah	Saham
2 isteri	1/8	24	3
1 anak lelaki	<i>Asabah</i>		17
1 anak perempuan			
Ibu	1/6		4

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud pembahagian harta pusaka secara muafakat dan hukumnya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah pembahagian harta berdasarkan persetujuan semua waris yang terlibat tanpa mengikut kaedah pembahagian secara faraid dan hukumnya adalah sah. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan dua syarat pembahagian harta pusaka secara muafakat. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah semua waris bersetuju dengan pembahagian secara muafakat, persetujuan lahir secara sukarela, semua waris tahu akan bahagian masing-masing secara faraid, dan tiada unsur penipuan dalam pembahagian secara muafakat. Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan pembahagian harta pusaka bagi kes yang dikemukakan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah

(i)

Waris	Fardu	Huraian	Asal Masalah	Saham
Isteri	1/8	Ada anak	24	3
2 anak perempuan	2/3	Dua orang dan tiada anak lelaki		16
4 saudara perempuan seibu sebapa	<i>Asabah</i>	Mewarisi bersama anak perempuan dan tiada saudara lelaki seibu sebapa		5

(ii)

Waris	Fardu	Huraian	Asal Masalah	Saham
Suami	1/4	Ada anak	12	3
2 anak lelaki	<i>Asabah</i>	<i>Asabah bi al-nafs</i> kerana anak keterunan lelaki tanpa ada anak perempuan		7
Ibu	1/6	Ada anak		2

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan tiga kategori kesalahan ta'zir. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah kesalahan yang termasuk dalam kategori hudud, kesalahan yang melanggar hak Allah, kesalahan yang melanggar hak manusia, kesalahan yang melanggar undang-undang perintah, kesalahan yang melibatkan tubuh badan, dan kesalahan yang melibatkan harta benda. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan empat bentuk hukuman ta'zir dalam sistem perundangan Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah nasihat, ancaman supaya tidak diulangi kesalahannya, pemulauan, denda, rampasan harta, penjara, sebat, dan buang daerah. Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan jenis kesalahan jenayah berdasarkan peruntukan Seksyen 14, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon mengulang semula peruntukan Seksyen 14 tanpa menghubungkaitkannya dengan kesalahan ta'zir, sedangkan jawapan yang sepatutnya ialah jenis kesalahan dalam peruntukan Seksyen 14 tersebut iaitu kesalahan ta'zir, manakala hukumannya akan ditentukan oleh pemerintah. Oleh kerana perbuatan meninggalkan solat Jumaat ialah kesalahan melanggar hak Allah atau kesucian agama maka bentuk hukuman yang dikenakan adalah dalam bentuk harta benda atau penjara.



PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal ini, sebanyak 993 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 81.27% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	16.11	6.85	6.14	10.98	12.49	17.82	10.88	4.83	5.34	2.32	6.24

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhan, prestasi calon pada penggal ini adalah baik. Terdapat seorang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 74 markah daripada markah penuh 80 markah dan seorang calon mendapat markah terendah, iaitu 11 markah.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menjelaskan konsep iman menurut Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dilihat dapat memahami konsep iman dengan baik. Iman bermaksud *tasdiq* dan apabila adanya iman, seseorang akan merasa tenang. Iman juga akan melahirkan ketaatan yang bersungguh-sungguh kepada pencipta serta meyakini dengan bersungguh-sungguh terhadap rukun iman.

Soalan 1(b) menghendaki calon menghuraikan faktor yang menyumbang iman seseorang itu bertambah dan faktor iman seseorang itu berkurang. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang baik. Namun, terdapat juga segelintir calon yang memberikan jawapan yang menjurus kepada perkara yang boleh membatalkan iman. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon bagi faktor iman seseorang itu berkurang ialah banyak melakukan maksiat, kejahilan, lalai dalam melaksanakan ibadah, dan lain-lain lagi.

Soalan 1(c) menghendaki calon menjelaskan empat kepentingan akidah dalam kehidupan seseorang Muslim. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara kepentingan akidah dalam kehidupan Muslim ialah dapat melahirkan individu yang berwawasan jauh, membentuk individu yang berakhlak tinggi, mengikat individu dengan syariat Islam, melahirkan Muslim yang bertamadun, dan sebagainya.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki menjelaskan pernyataan Islam agama para Nabi dan Rasul. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah Islam merupakan agama Allah yang menjadi kesatuan umat manusia dan diturunkan kepada manusia pada setiap peringkat perkembangan sejarahnya.

Soalan 2(b) menghendaki calon menghuraikan empat persamaan antara nabi dengan rasul. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Persamaan antara nabi dengan rasul ialah mereka menyeru kepada akidah yang satu, mereka dari kalangan manusia, lelaki, dan dikurniakan wahyu.

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan empat sifat keunggulan peribadi bagi seseorang nabi dan rasul. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan jawapan dengan tepat dan mereka dapat membincangkan keempat-empat sifat keunggulan peribadi bagi nabi dan rasul dengan baik. Empat sifat keunggulan tersebut ialah *siddiq*, *amanah*, *tabligh*, dan *fatamah*.

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon memberikan pandangan Islam terhadap kewujudan alam nyata. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon hanya memberikan jawapan berkaitan dengan kekuasaan Allah SWT. Pandangan Islam terhadap alam nyata ialah sebagai ciptaan Allah SWT yang neutral dan Islam menolak pandangan Plato yang menyatakan bahawa alam semesta bersifat maya dan tidak hakikat.

Soalan 3(b) menghendaki calon menjelaskan dua kesesatan yang berlaku dalam kalangan manusia akibat tidak berfikir tentang alam nyata. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak memahami konsep alam nyata dengan baik. Calon keliru antara alam nyata dengan alam ghaib. Ada segelintir calon yang memberikan jawapan berkaitan dengan alam ghaib. Contoh kesesatan yang berlaku akibat tidak berfikir tentang alam nyata ialah manusia menjadi *atheis* dan muncul golongan yang melihat alam ini sebagai bayang-bayang seperti fatamorgana di padang pasir.

Soalan 3(c) menghendaki calon menjelaskan tujuan manusia digesa untuk berfikir tentang alam nyata dengan memberikan dalil daripada al-Quran. Kebanyakan calon dapat memberikan tujuan manusia digesa untuk berfikir tentang alam nyata, tetapi mereka tidak mampu memberikan dalil daripada al-Quran. Tujuan manusia digesa untuk berfikir tentang alam nyata ialah untuk mengenal pencipta alam nyata, mengetahui fungsi setiap kejadian, mengkaji dan meneroka ciptaan alam, meyakini bahawa kejadian dan ciptaan Allah SWT sempurna, dan sebagainya.

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menjelaskan konsep *khatm al-nubuwwah* dalam Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat menjelaskan konsep tersebut sebagai pengutusan nabi yang terakhir yang menyempurnakan syariat dan risalah.

Soalan 4(b) menghendaki calon membezakan hukum pengutusan nabi dan rasul mengikut pandangan Ahli Sunnah Waljamaah dengan Muktaizilah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon hanya menerangkan hukum pengutusan nabi dan rasul mengikut pandangan kedua-kedua mazhab tersebut tanpa membuat titik perbezaan antara keduanya. Perbezaannya ialah, bagi pendapat Ahli Sunnah Waljamaah hukum pengutusan nabi adalah harus sebagai rahmat kepada seluruh alam, manakala bagi pendapat Muktaizilah pula, hukum pengutusan tersebut adalah wajib berdasarkan prinsip lima mereka.

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan empat hikmah pengutusan nabi dan rasul menurut pandangan Ahli Sunnah Waljamaah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara hikmah pengutusan tersebut ialah membebaskan manusia daripada penyembahan kepada makhluk, meletakkan kaedah dan peraturan dalam beribadah, menetapkan undang-undang, membentangkan perkara yang berkaitan dengan akhlak yang mulia, dan sebagainya.

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menyatakan penyelewengan akidah yang berlaku dalam persilatan di Malaysia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara penyelewengan akidah yang berlaku dalam persilatan ialah memperhambakan diri kepada kuasa seperti dewa, menggunakan tangkal azimat, memuja kuasa selain Allah, dan sebagainya.

Soalan 5(b) menghendaki calon menjelaskan faktor umat Islam terlibat dalam persilatan yang menyesatkan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah pengaruh rakan, peranan guru silat yang mempengaruhi individu, kurang didikan agama, dan lain-lain lagi.

Soalan 5(c) menghendaki calon menjelaskan sebab silat Nasrul Haq dikategorikan sebagai amalan persilatan yang menyesatkan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak mempunyai maklumat yang cukup berkaitan dengan isu Nasrul Haq ini. Nasrul Haq dikategorikan sebagai persilatan yang menyesatkan kerana ia berselindung di sebalik ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW, pemimpinnya menanamkan keyakinan kepada pengikutnya bahawa mereka tidak perlu lagi menggunakan senjata kerana dengan menggunakan zikir mereka boleh menewaskan musuh, dan individu yang terlibat juga sanggup memberikan ketaatan yang luar biasa terhadap guru silat mereka.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal ini, bilangan calon yang menduduki peperiksaan mata pelajaran ini ialah 22,181 orang. Peratusan calon yang lulus penuh dalam mata pelajaran ini ialah 64.09% berbanding dengan 59.72% pada tahun 2014.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.88	4.05	7.73	7.89	11.86	13.36	13.32	5.27	4.57	4.44	21.63

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini sederhana. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antara adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak dapat menguasai fakta yang dikehendaki oleh soalan dan memberikan jawapan ringkas dan umum.
- Calon tidak memahami maksud dan konsep struktur masyarakat agraria, revolusi, serta polisi ekonomi dan politik.
- Calon memberikan jawapan berdasarkan logik akal sahaja dan tidak berdasarkan fakta sejarah yang sebenar.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan ciri-ciri masyarakat agraria di China pada abad ke-16 dan abad ke-17 Masihi. Terdapat calon yang memberikan jawapan yang umum tentang ciri-ciri masyarakat agraria tanpa menyediakan maklumat sokongan bagi menjelaskan ciri tersebut. Jawapan yang baik ialah calon dapat memberikan definisi tentang masyarakat agraria dan mengidentifikasikan ciri-ciri masyarakat tersebut seperti kegiatan pertanian yang dijalankan, pola petempatan penduduk di kawasan lembah sungai, sistem pengairan yang dibina, pengetahuan masyarakat mengenai aspek kesuburan tanah, dan kemahiran dalam bidang teknologi pertanian.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan peranan Maharaja Rusia sehingga Revolusi Rusia pada tahun 1917. Sebahagian besar calon hanya menghuraikan peranan maharaja tertentu sahaja. Hal ini menyebabkan jawapan calon terbatas serta menggambarkan pengetahuan calon mengenai peranan Maharaja Rusia terhad. Calon sepatutnya menghuraikan peranan Maharaja Rusia sebagai ketua negara, melantik pembesar, ketua tentera, ketua agama dan sebagai individu yang membawa perubahan sosial dan politik.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan faktor perkembangan pertanian di Belanda pada abad ke-18 Masihi. Terdapat calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana membincangkan faktor perkembangan pertanian di Belanda dalam tempoh tersebut seperti peranan Sungai Rhine dan Sungai Maas yang menyumbang kepada kesuburan tanah, faktor iklim yang sesuai dapat menggalakkan aktiviti pertanian, penggunaan teknologi pengairan seperti penggunaan kincir angin, amalan sistem pertanian bergilir yang sistematik dan terdapatnya kegiatan perternakan lembu yang komersil. Namun demikian, ada calon yang membincangkan perkara-perkara tersebut secara umum dan memberikan contoh yang tidak relevan. Keadaan ini menunjukkan pengetahuan calon terhad mengenai perkembangan pertanian di Belanda pada abad ke-18 Masihi.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan perkembangan sistem pendidikan di Perancis pada abad ke-19 Masihi. Calon perlu mengidentifikasikan aspek perkembangan pendidikan seperti institusi pendidikan iaitu *Lyceum* dan universiti, kurikulum pelajaran sekolah rendah sehingga sekolah menengah, dan bentuk latihan perguruan yang terdapat pada abad tersebut. Walau bagaimanapun kebanyakan calon memberikan jawapan secara umum kerana tidak memiliki pengetahuan yang cukup tentang sistem pendidikan di Perancis pada abad tersebut.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan faktor-faktor teretusnya Revolusi China pada tahun 1911. Kebanyakan calon juga memberikan jawapan yang baik dengan menjelaskan beberapa faktor seperti kelemahan kerajaan Manchu, ketiadaan pemimpin yang cekap, sentimen anti-Manchu, kesengsaraan sosial dalam kalangan penduduk China, permasalahan ekonomi, peranan Dr Sun Yat Sen, pengaruh intelektual China, pengaruh Gerakan Pembaharuan, dan kemajuan sistem perhubungan. Walau bagaimanapun ada calon yang tidak dapat mengenalpasti faktor-faktor tersebut dengan baik kerana tidak memiliki pengetahuan tentang sejarah Revolusi China.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon membincangkan polisi ekonomi dan politik Amerika Syarikat di Eropah semasa era Perang Dingin dari tahun 1945 hingga tahun 1955. Terdapat calon yang gagal membincangkan jawapan seperti yang dikehendaki oleh soalan kerana pengetahuan calon tentang polisi ekonomi dan politik Amerika Syarikat semasa era pentadbiran Presiden Harry Truman adalah terhad. Calon sepatutnya membincangkan Doktrin Truman, konsep tirai besi, Rancangan Marshall, dan pertubuhan kerjasama ekonomi Eropah. Kesemua perkara ini merupakan perkara penting dalam membincangkan polisi ekonomi dan politik Amerika Syarikat di Eropah semasa era Perang Dingin.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 11,593. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 35.11%. Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	2.16	1.74	4.13	4.72	6.78	5.72	9.86	7.46	8.42	8.78	40.23

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana terutamanya yang berkaitan dengan soalan menanyakan konsep. Ini menjejaskan pemahaman dan jawapan kepada soalan lain. Pemahaman calon dalam soalan geografi fizikal lebih lemah berbanding dengan geografi manusia.

Antara kelemahan dalam jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- Calon lemah dalam menjawab soalan struktur. Mereka mengulang semula soalan yang dikemukakan.
- Calon tidak merancang dalam menjawab soalan. Ini menyebabkan jawapan calon tidak teratur, terutamanya bagi soalan esei.
- Sebilangan calon tidak berusaha untuk menjawab soalan dan meninggalkan kosong begitu sahaja. Terdapat juga calon yang menjawab soalan sambil lewa sehinggakan soalan aras rendah pun tidak dapat dijawab dengan baik.
- Calon menjawab soalan tanpa menyentuh fakta secara jelas.
- Calon tidak memahami konsep geografi dan lemah dalam mengaitkan satu konsep geografi dengan konsep geografi yang lain.
- Calon tidak menganalisis kata tugas soalan sebelum menjawabnya.
- Calon tidak merujuk markah setiap soalan untuk mengetahui sejauh mana huraian perlu diberikan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: *Alam Sekitar Fizikal yang terdiri daripada 1 soalan struktur dan 2 soalan esei*

Soalan 1 (Struktur)

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan maksud *sistem*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sistem merujuk kepada saling interaksi antara komponen/set angkubah bagi mencapai keseimbangan.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan perbezaan antara sistem tertutup dengan sistem terbuka. Kebanyakan calon gagal menjelaskan keluar masuk tenaga dan bahan dalam kedua-dua sistem. Sepatutnya calon menjelaskan bahawa sistem tertutup ialah pertukaran (input dan output) tenaga antara sistem dengan persekitarannya dengan tidak melibatkan jisim manakala sistem terbuka ialah pertukaran (input dan output) tenaga dan jisim antara sistem dengan persekitarannya.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan bagaimana tenaga suria mempengaruhi proses luluhawa kimia. Kebanyakan calon gagal menjawab soalan ini dengan baik. Calon lebih menumpukan proses luluhawa fizikal, iaitu proses kembang kecut dan tidak mengaitkan tenaga suria dengan proses luluhawa kimia. Antara jawapan yang dikehendaki ialah suhu tinggi mempercepat proses tindak balas kimia dalam batuan, manakala suhu rendah menyebabkan tenaga kurang, seterusnya proses luluhawa kurang giat berlaku. Begitu juga suhu tinggi menyebabkan proses sejatan tinggi, berlakunya hujan dan akan mempercepat proses luluhawa kimia. Selain itu, suhu tinggi akan menyebabkan aras air berkurang dan proses luluhawa juga berkurang, suhu rendah pula akan mengakibatkan aras air meningkat dan seterusnya proses luluhawa kimia meningkat.

Soalan (d) menghendaki calon menjelaskan bagaimana taburan tenaga suria yang berbeza mempengaruhi aktiviti pelancongan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat mengaitkan taburan tenaga suria yang berbeza dengan aktiviti pelancongan seperti kawasan panas (bahangan suria sepanjang tahun) sesuai untuk aktiviti berjemur, *scuba diving*, layang-layang, jet ski, dan sebagainya. Di kawasan sejuk pula (penerimaan bahangan suria yang kurang) aktiviti yang sesuai seperti luncur ais dan lain-lain. Di kawasan suhu sederhana pula, aktiviti pelancongan yang sesuai ialah agrotourisme, rekreasi, dan sebagainya.

Soalan 2 (Esei)

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan sebab berlaku perbezaan penerimaan bahangan suria di permukaan bumi. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak memahami istilah perbezaan penerimaan bahangan suria. Rata-rata calon yang menjawab soalan ini hanya dapat memberikan tiga isi sahaja tanpa penjelasan yang baik. Antara sebab perbezaan penerimaan bahangan suria berlaku di permukaan bumi adalah peredaran bumi mengelilingi matahari, putaran bumi pada paksinya pada sudut $66\frac{1}{2}^\circ$, sudut pancaran $23\frac{1}{2}^\circ$ (kecondongan pancaran suria), perbezaan permukaan bumi/topografi, ketebalan lapisan ozon yang berbeza, ketebalan lapisan atmosfera yang berbeza mengikut kawasan, warna permukaan bumi yang berbeza mengikut kawasan, faktor aspek, iaitu cerun menghadap matahari atau cerun yang membelakangkan matahari, dan juga bumi berbentuk sfera (longitud dan latitud).

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan perubahan terhadap proses fizikal di permukaan bumi akibat peningkatan suhu dunia. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini disebabkan gagal memahami istilah proses fizikal. Jawapan calon hanya berkisar kepada peningkatan suhu dunia tanpa menyebut proses fizikal bumi. Antara jawapan yang dikehendaki adalah hakisan angin lebih aktif, luluhawa fizikal lebih giat, suhu tinggi menyebabkan debu ringan dan mudah diangkut oleh angin, sejatan juga meningkat, susupan menurun dan menjejaskan kelembapan tanah, penjaan air bawah tanah menurun (disebabkan sejatan yang meningkat), dan proses sejatpeluhan meningkat menyebabkan tumbuhan kehilangan air dan mati.

Soalan 3 (Esei)

Soalan (a)(i) menghendaki calon membincangkan bukti yang dapat menyokong teori hanyutan benua. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik namun agak lemah dari aspek huraian. Antara

jawapan yang dikehendaki adalah persamaan garis pantai benua, persamaan jenis fosil tumbuhan dan binatang dari jenis dan usia yang sama di benua yang berlainan, medan magnet berubah arah, kajian iklim purba, bukti geologi (jenis dan usia batuan di benua yang berlainan), bahan mendapan lautan paling tua dari jenis dan usia yang sama ditemui di lautan Pasifik dan Lautan Atlantik, gunung lipatan, iaitu benua Amerika Selatan pernah bercantum dengan benua Eropah.

Soalan (a)(ii) menghendaki calon menjelaskan proses pembentukan muka bumi yang terhasil akibat pergerakan plat tektonik. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik disebabkan kekurangan fakta dan tidak memahami kehendak soalan. Soalan ini memerlukan calon menjelaskan bentuk muka bumi, proses yang berlaku, dan hasilnya. Jawapan yang dikehendaki ialah gunung lipatan terbentuk hasil daripada pertembungan dua plat yang menyebabkan plat yang lemah terangkat ke atas, jurang lautan berlaku hasil daripada percapahan plat di lautan dan menghasilkan jurang yang dalam, lurah gelinciran terhasil daripada percapahan/pertembungan/selisih plat dan menyebabkan salah satu plat jatuh ke bawah, gunung bongkah terhasil daripada pertembungan plat, satu plat naik ke atas dan satu plat jatuh ke bawah, pantai timbul disebabkan daripada pertembungan plat dan salah satu plat naik ke atas dan plat yang satu lain jatuh ke bawah, begitu juga dengan sungai balik muda, terhasil daripada pertembungan plat juga dan menyebabkan satu plat naik ke atas dan satu lagi jatuh ke bawah.

Soalan 3(b)

Soalan (b)(i) menghendaki calon menghuraikan faktor fizikal yang mempengaruhi pemendapan di pinggir pantai. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang tidak dapat mengenal pasti bentuk muka bumi hasil daripada pemendapan di pinggir pantai. Antara jawapan yang dikehendaki ialah cerun pantai yang landai, jenis ombak (ombak pembina), orientasi pantai (lurus atau berteluk), halangan semula jadi seperti pulau, bahan muatan yang banyak, saiz bahan yang dibawa oleh ombak, terdapatnya tumbuhan seperti pokok bakau di pinggir pantai, dan juga faktor arus pesisir.

Soalan (b)(ii) menghendaki calon menilai kepentingan bentuk muka bumi pemendapan terhadap aktiviti manusia di pinggir pantai. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik disebabkan mereka tidak memahami kehendak soalan, iaitu yang memerlukan calon menyatakan terlebih dahulu bentuk muka bumi pemendapan sebelum menilai kepentingannya kepada aktiviti manusia. Antara jawapan yang sepatutnya ialah pantai yang penting untuk aktiviti pelancongan, perlombongan pasir, industri kecil dan sederhana (IKS), beting pasir sesuai untuk aktiviti pelancongan, rekreasi, dan juga perlombongan pasir, anak tanjung penting untuk aktiviti rekreasi, tombolo untuk perhubungan dan pelancongan, delta penting untuk aktiviti pertanian dan petempatan, permatang untuk petempatan dan pengangkutan, dan lagun penting untuk aktiviti pelancongan.

BAHAGIAN B: Alam Sekitar Manusia yang terdiri daripada 1 soalan struktur dan 2 soalan esei.

Soalan 4 (Struktur)

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan **tiga** indikator (petunjuk) yang menggambarkan sesebuah desa telah mengalami transformasi. Hampir sebahagian besar calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Antara indikatornya ialah pendapatan penduduk meningkat, kualiti pendidikan semakin baik, kemudahan asas meningkat, darjah ketersampaian tinggi, kemudahan sosial dan pendidikan meningkat, kuasa beli, tabungan, dan pemilikan barangan meningkat, perubahan jenis pekerjaan daripada primer kepada sekunder dan tertier, perumahan berubah dari desa kepada taman perumahan, gaya hidup moden, peluang pekerjaan meningkat, dan peningkatan teknologi.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan **tiga** faktor yang mempengaruhi perubahan sesebuah desa kepada bandar. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara faktor yang dikehendaki ialah tapak yang strategik, sumber alam yang banyak dan berharga, faktor fizikal yang menarik, perkembangan ekonomi moden, polisi kerajaan, rebakan bandar, pertambahan jumlah penduduk, perkembangan infrastruktur, dan juga faktor adanya kemudahan sosial, kesihatan, dan pendidikan.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan **tiga** bukti yang menunjukkan wujudnya saling hubungan antara kawasan desa dengan kawasan bandar. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik serta dapat memberikan bukti yang sepatutnya. Antara bukti yang dikehendaki oleh soalan ialah kewujudan sistem pengangkutan, kewujudan agensi/pusat perkhidmatan penduduk, pergerakan penduduk, rangkaian kedai runcit/fungsi perniagaan yang berkaitan, bekalan tenaga kerja kepada penduduk desa, dan juga desa membekalkan bahan mentah dan sumber kepada bandar.

Soalan 5 (Esei)

Soalan (a) menghendaki calon membincangkan kesan kemerosotan daya tampung sumber alam terhadap alam sekitar manusia di sesebuah kawasan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka mengemukakan kesan alam sekitar fizikal dan juga kesan alam sekitar manusia seperti pengangguran dan kemiskinan tanpa mengaitkannya dengan kemerosotan daya tampung sumber alam. Antara jawapan yang dikehendaki (kesan negatif) ialah kekurangan sumber makanan, kekurangan sumber tenaga/bahan mentah, kesihatan yang terjejas (kualiti hidup merosot), berlaku krisis bekalan air, risiko bencana alam sekitar buatan manusia, kehilangan sumber dan warisan kepada generasi akan datang. Antara kesan positif ialah peningkatan teknologi pengeluaran, dan penerokaan sumber gantian.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan bagaimana keseimbangan antara daya tampung sumber alam dengan aras penduduk boleh dicapai. Kebanyakan calon tidak memahami kehendak soalan. Kebanyakan calon lebih menekankan peranan pihak kerajaan seperti menyediakan kemudahan makanan agar penduduk seimbang dengan daya tampung. Jawapan yang dikehendaki ialah melalui pelaksanaan pembangunan secara berterusan (lestari), meneroka dan menggunakan sumber alam secara berhemah, menguatkuasakan langkah perundangan untuk menjaga sumber alam, meningkatkan kecekapan pengurusan sumber/memperkasakan sistem pengurusan, mengadakan kempen dan pendidikan alam sekitar, mengawal pertumbuhan penduduk, dan meningkatkan teknologi dan mengupayakan *R & D*.

Soalan 6 (Esei)

Soalan (a) menghendaki calon membincangkan isu perumahan di kawasan bandar besar di Malaysia. Kebanyakan calon gagal menjawab soalan ini dengan baik. Mereka gagal mengaitkan isu perumahan di kawasan bandar besar. Calon juga lebih menjurus kepada kesan pembandaran, seperti pencemaran, jenayah, dan setinggan. Antara isu yang perlu dibincangkan ialah ketidakcukupan tanah untuk pembinaan rumah, stok perumahan yang tidak mencukupi, harga rumah yang mahal, kualiti rumah yang rendah, penyediaan kemudahan perumahan yang tidak memuaskan, pembinaan di kawasan berisiko, dan projek perumahan terbengkalai.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan bagaimana proses pembandaran memberikan kesan kepada alam sekitar fizikal. Kebanyakan calon keliru dengan kehendak soalan. Mereka menghuraikan kesan pembandaran tetapi tidak menyatakan proses pembandaran. Antara proses pembandaran yang memberi kesan kepada alam sekitar fizikal ialah pertambahan penduduk, peluasan sempadan bandar, perubahan struktur masyarakat, dan perubahan ekonomi.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 14,082. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 49.91%.

Pencapaian calon mengikut gred adalah seperti yang berikut.

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.28	4.73	6.42	6.92	6.53	7.73	9.30	10.67	8.77	8.93	21.72

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	B	11	A
2	A	12	C
3	B	13	D
4	C	14	A
5	B	15	A
6	C	16	A
7	D	17	A
8	B	18	B
9	D	19	D
10	C	20	A

BAHAGIAN B DAN C: *Esei Dan Kuantitatif*

Komen am

Secara keseluruhannya mutu jawapan calon adalah memuaskan. Kebanyakan calon lebih cenderung memilih soalan yang memerlukan hafalan fakta yang diberikan oleh guru atau yang tertulis dalam buku rujukan. Calon dapat menjawab soalan dengan agak baik bagi soalan yang memerlukan jawapan berbentuk hafalan, seperti soalan 21, 23, dan 26.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN B: Esei

Soalan 21

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan tiga masalah asas ekonomi dan menerangkan perbezaan antara barang modal dengan barang pengguna berserta dengan contoh.


Calon sepatutnya menghuraikan (a) tiga masalah ekonomi, iaitu (i) apa dan berapa barang yang hendak dikeluarkan, (ii) bagaimana untuk mengeluarkan barang, dan (iii) untuk siapa barang dikeluarkan. Barang modal pula ialah barang atau alat yang digunakan untuk mengeluarkan barang lain, seperti mesin. Barang pengguna merupakan barang akhir atau barang siap yang digunakan oleh pengguna, contohnya kasut.

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan dengan betul, namun ramai calon yang tidak boleh menghuraikan masalah ekonomi dengan baik. Di samping itu, banyak juga calon yang keliru dengan masalah ekonomi, iaitu kos lepas, pilihan, dan kekurangan. Kebanyakan calon gagal mengemukakan maksud barang modal. Mereka tidak meletakkan perkataan 'barang siap' sebagai kata kunci ketika mengemukakan maksudnya. Di samping itu, ada juga calon yang mengemukakan jawapan dalam bentuk jadual, sedangkan jawapan dalam bentuk jadual adalah tidak sesuai.

Soalan 22

Soalan ini menghendaki calon (a) memberikan maksud lebih permintaan dan lebih penawaran serta (b) menerangkan proses keseimbangan pasaran tercapai apabila berlaku lebih permintaan dan lebih penawaran dengan menggunakan gambar rajah.

Jawapan yang sepatutnya (a) lebih permintaan ialah suatu keadaan apabila kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawarkan pada tingkat harga tertentu. Lebih penawaran ialah suatu keadaan apabila kuantiti ditawarkan melebihi kuantiti diminta pada tingkat harga tertentu. (b) calon sepatutnya mengemukakan gambar rajah lebih permintaan dan lebih penawaran dan menerangkan bagaimana proses keseimbangan berlaku. Gambar rajah yang calon sepatutnya berikan seperti di bawah.



Calon perlu menjelaskan konsep keseimbangan pasaran tercapai apabila keluk DD bersilang dengan keluk SS. Pada harga P_1 , berlaku lebih penawaran, maka harga akan menurun sehingga mencapai keseimbangan pada P_0 . Pada harga P_2 , berlaku lebih permintaan, maka harga akan meningkat sehingga mencapai keseimbangan pada P_0 .

Terdapat ramai calon yang tidak dapat mengemukakan jawapan dengan tepat. Mereka tertinggal kata kunci “pada harga tertentu” menyebabkan mereka tidak memperoleh markah.

Dalam pada itu, terdapat juga calon yang keliru dengan lebih pengguna dan lebih pengeluar. Walaupun terdapat calon yang boleh mengemukakan jawapan dengan betul, namun banyak juga calon yang mengemukakan gambar rajah perubahan keseimbangan dengan melukis peralihan sama ada keluk permintaan atau peralihan keluk penawaran. Tidak kurang juga, ada calon yang tidak dapat melabelkan gambar rajah dengan betul.


Soalan 23

Soalan ini menghendaki calon (a) menjelaskan maksud keanjalan permintaan harga dan (b) menghuraikan empat faktor yang menentukan keanjalan permintaan harga. Jawapan sepatutnya ialah (a) keanjalan permintaan bermaksud mengukur peratus perubahan kuantiti diminta akibat peratus perubahan harga barang itu. Empat faktor yang menentukan keanjalan permintaan tersebut ialah terdapat barang pengganti, bahagian pendapatan yang dibelanjakan, bilangan kegunaan barang, dan kepentingan suatu barang.

Sebahagian calon gagal mentakrifkan keanjalan permintaan harga dengan tepat. Kebanyakan calon tidak memasukkan kata kunci “peratus perubahan” atau “tindak balas kuantiti diminta”. Ini menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh. Ada juga calon yang memberikan rumus, walhal rumus tidak diterima untuk menerangkan maksud. Kebanyakan calon dapat menyenaraikan faktor yang menentukan keanjalan permintaan harga tetapi tidak dapat menghuraikannya dengan baik. Ramai juga calon yang mengemukakan faktor yang mempengaruhi permintaan, seperti pendapatan, musim, barang pengganti, dan barang penggenap. Kesemua jawapan calon ini salah.

Soalan 24

Soalan ini menghendaki calon (a) menerangkan maksud hukum pulangan sut berkurangan dan (b) menjelaskan hubungan antara jumlah keluaran (JK) dengan keluaran sut (KS) dan keluaran sut dengan keluaran purata (KP) berdasarkan gambar rajah yang dilukis.



Jawapan sepatutnya bagi soalan (a) ialah, calon perlu melukis gambar rajah paksi menegak adalah keluaran dan paksi mendatar adalah buruh, kemudian menerangkan maksud hukum pulangan sut berkurangan, iaitu hukum pulangan sut berkurangan berlaku apabila jumlah pengeluaran bertambah pada kadar yang semakin menurun bagi setiap tambahan satu input berubah.

Jawapan sepatutnya bagi soalan (b) ialah, calon perlu menerangkan hubungan antara jumlah pengeluaran (TP) dengan keluaran sut (MP) iaitu (i) TP meningkat MP bernilai positif (ii) TP maksimum, MP bernilai sifar dan (iii) TP menurun, MP negatif. Manakala hubungan antara MP dengan keluaran purata (AP) pula (i) apabila AP meningkat, $MP > AP$ (ii) MP bersilang dengan AP pada AP maksimum dan (iii) apabila AP menurun $MP < AP$ dan rujuk kepada gambar rajah yang dilukis di atas.

Hanya sebahagian kecil calon dapat menjawab soalan (b) dengan betul. Kebanyakan calon tidak merujuk kepada gambar rajah kerana majoriti calon melukis gambar rajah yang salah (salah paksi).

Kebanyakan calon salah melukis gambar rajah (tanda paksi salah, ditulis harga dan kuantiti, walhal keluaran dengan input buruh) serta memberikan maksud hukum pulangan sut berkurangan yang tidak jelas iaitu tiada perkataan “tambahan setiap input berubah”.

Soalan 25

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan keadaan firma pasaran persaingan sempurna memberhentikan operasi dalam jangka pendek dengan berbantuan gambar rajah. Calon sepatutnya melukis rajah dengan betul dan menghuraikan lokasi firma pasaran persaingan sempurna memberhentikan operasinya dalam jangka pendek pada rajah tersebut. Titik memberhentikan operasi ialah apabila $MR = AR = P$ lebih rendah daripada AVC, iaitu jumlah hasil tidak dapat menampung jumlah kos berubah.

Kebanyakan calon keliru tentang titik penutupan firma (AVC minimum) dengan penutupan firma ($P < AVC$). Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon melukis gambar rajah yang salah, iaitu keluk ($MR = AR = P$) > daripada keluk AVC. Akibatnya huraian calon juga menjadi salah.

Soalan 26

Soalan ini menghendaki calon (a) menerangkan tiga cara firma pasaran persaingan bermonopoli membezakan keluaran di pasaran dan (b) menghuraikan dua keburukan persaingan bukan harga.

Jawapan yang sepatutnya bagi (a) ialah jenama, pembungkusan, dan iklan, manakala jawapan bagi (b) ialah ia melibatkan kos yang tinggi dan maklumat tidak tepat. Kebanyakan calon dapat memberikan cara firma pasaran persaingan bermonopoli membezakan keluaran dengan baik. Namun begitu, sebahagian calon hanya memberikan jawapan yang berkaitan dengan persaingan harga (membezakan harga) secara umum, iaitu membezakan keluaran dari segi fungsi dengan jenis keluaran, manakala bagi (b) pula, terdapat sebahagian calon yang tidak dapat menyatakan keburukan persaingan bukan harga. Mereka memberikan jawapan membazir dan perlu masa tanpa mengaitkannya dengan kos dalam pengeluaran.

Soalan 27

Soalan ini berkaitan dengan keluk kemungkinan pengeluaran. Calon perlu menghitung kos lepas, menentukan bentuk keluk kemungkinan pengeluaran dan jenis faktor pengeluaran, dan menentukan kombinasi titik yang diberikan boleh dicapai atau tidak.

Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon kehilangan markah kerana tidak menyatakan unit barang X dan unit barang Y . Bentuk keluk kemungkinan pengeluaran juga dinyatakan dalam jawapan “kos lepas yang sedang meningkat”. Jawapan yang sepatutnya ialah berbentuk cembung. Kemudian, pada jawapan (c) juga calon sepatutnya memberikan jawapan wujud masalah pengangguran.

Soalan 28

Soalan ini menghendaki calon untuk menghitung harga dan kuantiti keseimbangan, menghitung lebihan pengguna, menghitung harga dan kuantiti keseimbangan serta lebihan pengguna yang baharu selepas dikenakan cukai, dan melukis keluk permintaan dan penawaran sebelum dan selepas dikenakan cukai.

Secara keseluruhan, calon dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana calon dapat menghitung harga dan kuantiti keseimbangan serta lebihan pengguna pada titik keseimbangan sebelum cukai dan selepas cukai dikenakan. Calon juga dapat melukis keluk permintaan dan keluk penawaran sebelum dan selepas cukai dikenakan dengan baik. Namun demikian, segelintir calon agak cuai kerana tidak menyatakan unit seperti “RM” dan “kg” bagi setiap jawapan.

Soalan 29

Soalan ini menghendaki calon untuk menghitung kos tetap, kos berubah, jumlah kos, keuntungan firma, dan peratus harga barang yang perlu dinaikkan supaya firma mendapat pulang modal. Calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu, kesilapan yang sering dilakukan oleh calon ialah mereka tidak menyatakan “RM” dalam jawapan.

Pengajian Perniagaan (946/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada peperiksaan penggal ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran Pengajian Perniagaan 1 (946/1) ialah seramai 16,315 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 47.22%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.56	2.50	3.47	4.06	7.73	10.02	11.88	4.24	4.80	4.82	38.93

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, jawapan kebanyakan calon kurang memuaskan. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang kurang tepat. Hanya sebilangan kecil calon sahaja yang dapat memberikan jawapan dengan baik dan menunjukkan kefahaman yang baik terhadap topik-topik yang disoal.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A

Soalan 1

Soalan ini terbahagi kepada 10 soalan esei pendek, iaitu soalan (a) hingga (j).

Soalan(a) menghendaki calon untuk menyatakan tiga kebaikan perniagaan kepada masyarakat dan tiga kebaikan perniagaan kepada negara. Majoriti calon dapat memberikan jawapan yang tepat berdasarkan kehendak soalan. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir calon yang menyamakan kebaikan perniagaan kepada masyarakat dengan kebaikan perniagaan kepada negara. Antara contoh jawapan kebaikan perniagaan kepada masyarakat yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

1. Menyediakan pelbagai barangan dan perkhidmatan atau memenuhi keperluan dan kehendak pengguna atau memenuhi cita rasa pengguna.
2. Menyediakan peluang pekerjaan.
3. Menyediakan kemudahan atau menyediakan pembangunan kepada masyarakat sekeliling atau menjalankan tanggungjawab sosial.
4. Menyediakan peluang perniagaan, seperti pembekal bahan mentah atau barang separuh siap.

Manakala contoh jawapan kebaikan perniagaan kepada negara yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

1. Mengurangkan kadar pengangguran atau meningkatkan guna tenaga.
2. Menyumbang kepada penyediaan kemudahan awam.
3. Meningkatkan pendapatan negara melalui pembayaran cukai.
4. Membangunkan industri baharu atau industri sampingan.

Soalan (b) menghendaki calon untuk menghuraikan persekitaran tugas pembiaya dan persekitaran tugas pelanggan. Majoriti calon dapat menghuraikan persekitaran tugas pelanggan dengan baik, tetapi tidak dapat memberikan huraian yang tepat kepada persekitaran tugas pembiaya. Antara contoh jawapan yang boleh diberikan oleh calon ialah:

1. Pembiaya
 - (a) Merujuk kepada bank, syarikat kewangan, dan agensi-agensi yang terlibat dalam memberikan dana atau menyediakan sumber kewangan.
 - (b) Pihak yang memberikan pinjaman kepada perniagaan.
 - (c) Firma atau organisasi harus menjaga kepentingan pembiaya dengan menjelaskan hutang (termasuk faedah dan prinsipal) kepada pembiaya mengikut tempoh yang ditetapkan.
 - (d) Pembiaya mempengaruhi keupayaan organisasi untuk meneruskan operasi melalui dana yang diberikan.
2. Pelanggan
 - (a) Individu atau pihak yang membeli produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh firma atau organisasi perniagaan.
 - (b) Pelanggan hanya akan membeli produk dan perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak dari segi nilai berbanding dengan kos.
 - (c) Pelanggan menentukan jenis produk dan perkhidmatan yang perlu ditawarkan oleh firma atau organisasi perniagaan.
 - (d) Permintaan pelanggan ke atas produk dan perkhidmatan yang ditawarkan akan mempengaruhi keupayaan syarikat untuk beroperasi.

Soalan (c) menghendaki calon untuk menghuraikan tiga sebab kilang pemprosesan kelapa sawit tidak sesuai dibina di kawasan perumahan. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat terhadap soalan ini. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir calon yang mampu memberikan jawapan dengan baik. Antara contoh jawapan yang boleh diberikan oleh calon ialah:

1. Kedudukan jauh daripada bahan mentah
2. Pencemaran alam sekitar.
3. Merosakan prasarana awam.
4. Peraturan dan undang-undang.

Soalan (d) menghendaki calon untuk memberikan tiga prinsip ISO 1900 dan tiga implikasinya kepada organisasi. Majoriti calon tidak dapat memberikan jawapan dengan baik terhadap soalan ini. Antara contoh jawapan yang boleh diberikan oleh calon ialah:

No	Prinsip ISO 1900
1.	Standard hanya mengkhusus kepada pengurusan kualiti yang diamalkan oleh organisasi
2.	Standard memerlukan organisasi mendokumenkan proses kerja kritikal, patuh kepada proses yang didokumenkan, dan pembuktian kepada kepatuhan
3.	Standard menekankan kepada pencegahan berlakunya sesuatu masalah dan ketidakpatuhan
4.	Standard bersifat umum kepada semua organisasi/mempunyai elemen kualiti asas

No	Implikasi kepada organisasi
1	Tidak diguna pakai untuk akreditasi produk / perkhidmatan yang dikeluarkan
2	Kepatuhan adalah dibanding berdasarkan dokumen yang dibangunkan
3	Tidak menjurus kepada menyelesaikan masalah yang sedia wujud/penambakan berterusan
4	Dokumen organisasi terlibat adalah lebih spesifik
5	Kualiti kerja lebih terjamin

Soalan (e) menghendaki calon untuk menyatakan langkah-langkah dalam proses pemasaran. Kebanyakan calon tidak mampu memberikan jawapan yang tepat terhadap soalan ini. Hanya segelintir calon yang boleh mengemukakan jawapan yang tepat. Antara contoh jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah:


1. Menilai peluang-peluang pemasaran
2. Memilih sasaran pasaran
3. Membina campuran pemasaran
4. Mengurus usaha pemasaran

Soalan (f) menghendaki calon untuk menyatakan empat langkah yang pertama dalam proses membuat keputusan pembelian produk industri. Majoriti calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat terhadap soalan ini. Antara kelemahan calon ialah memberikan jawapan dengan menyenaraikan langkah-langkah pembelian produk pengguna. Antara contoh jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

1. Mengenal pasti masalah organisasi
2. Mengenal pasti keperluan organisasi
3. Menentukan spesifikasi produk
4. Mencari pembekal

Soalan (g) menghendaki calon untuk menjelaskan maksud kelebaran lini produk dan kedalaman lini produk. Majoriti calon tidak dapat menjelaskan maksud kelebaran lini produk dan kedalaman lini produk dengan tepat. Hanya segelintir calon yang mampu memberikan jawapan yang baik terhadap soalan ini. Antara contoh jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Kelebaran lini produk ialah bilangan barisan atau lini produk yang ditawarkan kepada pengguna.
Contohnya: Produk Nestle'



- Kedalaman lini produk ialah bilangan item produk yang terdapat dalam sesuatu produk.
Contohnya: Produk minuman Nescafe'

- Nescafe' Classic dalam botol
 - Nescafe' Classic dalam sachet
 - Nescafe' 3 in 1
 - Nescafe' Vanilla atau Cappuchino
-

Soalan (h) menghendaki calon untuk menyenaraikan empat kepentingan pengurusan kewangan. Majoriti calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat terhadap soalan ini. Kelemahan yang ketara ialah calon cenderung memberikan jawapan yang lebih menepati kepentingan bajet tunai atau peranan pengurusan kewangan. Keadaan ini menunjukkan bahawa calon tidak memahami aspek pengurusan kewangan yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir calon yang mampu memberikan jawapan yang baik. Antara contoh jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Membuat perancangan kewangan.
- Mengagihkan sumber kewangan mengikut peruntukan yang telah ditetapkan.
- Mengawal penggunaan kewangan setiap jabatan.
- Mengelakkan berlaku penyelewengan kewangan dalam organisasi.

Soalan (i) menghendaki calon untuk menghuraikan tiga kepentingan latihan dan pembangunan. Majoriti calon tidak dapat menghuraikan kepentingan latihan dan pembangunan kepada pekerja dengan tepat. Calon cenderung untuk memberikan jawapan yang berbentuk umum, seperti meningkatkan kecekapan, pekerja lebih berkeyakinan, dan sebagainya. Selain itu, terdapat calon yang memberikan jawapan yang lebih menjurus kepada kepentingan terhadap organisasi. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir calon yang mampu memberikan jawapan yang baik. Antara contoh isi jawapan yang boleh diberikan oleh calon ialah:

- Meningkatkan produktiviti pekerja
- Meningkatkan kemahiran pekerja
- Mengurangkan kesilapan pekerja
- Meningkatkan kepuasan pekerja
- Meningkatkan motivasi pekerja
- Dapat mengekalkan pekerja yang terbaik

Soalan (j) menghendaki calon untuk menghuraikan dua masalah dalam tindakan disiplin. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat terhadap soalan ini. Selain itu, calon tidak memahami kehendak soalan yang memerlukan jawapan bagi masalah-masalah yang wujud untuk pihak pengurusan melaksanakan tindakan disiplin ke atas pekerja sebagai sebahagian daripada aktiviti pengurusan sumber manusia. Antara contoh jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

1. Pembuktian salah laku, iaitu rekod dan bukti yang jelas mesti dikemukakan.
2. Makluman tentang peraturan dan prosedur kesalahan salah laku, iaitu pekerja mesti diberikan taklimat dan penerangan yang secukupnya mengenai peraturan-peraturan syarikat sebelum tindakan boleh diambil.
3. Cabaran perundangan, iaitu majikan mestilah memastikan tindakan disiplin diambil selepas pekerja diberikan hak membela diri selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.
4. Proses yang mesti diikuti (*due process*), iaitu majikan terpaksa mengambil langkah-langkah intervensi yang ditetapkan sebelum tindakan diambil melalui nasihat, kaunseling, dan memberikan peluang kepada pekerja untuk menghentikan perbuatannya selepas dinasihati. Kegagalan mematuhi *due process* akan meningkatkan risiko majikan didakwa di mahkamah.

BAHAGIAN B

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon untuk menjelaskan dua pemboleh ubah asas segmentasi yang diaplikasikan oleh Avon Cosmetics Malaysia (ACM). Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta dengan tepat tetapi gagal untuk memberikan huraian yang bersesuaian terhadap fakta yang diberikan dalam jawapan. Selain itu, majoriti calon tidak dapat mengelompokkan isu-isu dalam kajian kes mengikut fakta yang telah dinyatakan. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir calon yang mampu memberikan jawapan yang baik terhadap soalan ini. Antara contoh jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

1. Pembolehubah asas segmentasi demografi, iaitu segmentasi pasaran mengikut demografi yang melibatkan pembahagian pasaran kepada segmen kecil berdasarkan pendapatan, jantina, umur, latar belakang pendidikan, taraf perkahwinan, agama, dan bangsa. Dalam kajian kes yang diberikan dalam soalan, dinyatakan secara jelas bahawa untuk pengguna wanita, ACM telah menawarkan produk wangian, alat solek, penjagaan kulit, penjagaan peribadi, penjagaan rambut, dan sebagainya. Manakala untuk pengguna lelaki, ACM telah menawarkan produk wangian dan pakaian dalam.
2. Pembolehubah asas segmentasi psikologi, iaitu segmentasi pasaran berasaskan psikografi yang melibatkan pembahagian pasaran kepada segmen kecil berdasarkan gaya hidup, kelas sosial, cita rasa, dan personaliti. Dalam kes, produk seperti alat solek, barangan kemas, aksesori wanita dan peralatan rumah keluaran ACM dipelbagaikan mengikut citarasa, minat, pandangan pengguna, dan sebagainya.

Soalan (b) menghendaki calon untuk menjelaskan lima tindakan ACM bagi menunjukkan peranan perniagaannya terhadap masyarakat dan ekonomi di Malaysia. Kebanyakan calon gagal memberikan fakta dengan tepat, sebaliknya hanya menyalin fakta kes tanpa membezakan peranan perniagaan terhadap masyarakat dan ekonomi. Hanya sebilangan kecil calon yang mampu memberikan jawapan yang baik. Antara contoh jawapan yang boleh diberikan oleh calon ialah:

1. Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat, iaitu rangkaian produk yang pelbagai ditawarkan di pasaran untuk memenuhi keperluan pengguna. ACM menawarkan produk yang pelbagai, seperti produk wangian, alat solek, penjagaan kulit, penjagaan peribadi, penjagaan rambut, pemakanan,


pakaian dalam, barangan kemas, jam tangan, aksesori, peralatan rumah, langsir, sarung kusyen, cadar dan perkakas memasak tidak melekat bagi memenuhi keperluan pengguna.

2. Sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara, iaitu menawarkan peluang peningkatan pendapatan masyarakat melalui perniagaan dalam kes ACM telah memberikan kemudahan kredit kepada rakan niaga. Selain itu, program kemudahan kredit tanpa cagaran dan tanpa faedah sehingga RM 70 000.00 dengan tempoh pembayaran balik sehingga 60 hari. Program Insentif dan Penghargaan kepada rakan niaga ACM turut diadakan.

Soalan 3

Soalan 3 (a) menghendaki calon untuk menjelaskan proses pengeluaran bagi perabot dengan bantuan gambar rajah. Majoriti calon tidak dapat memberikan gambar rajah yang lengkap dan tidak dapat memberikan huraian yang lengkap ke atas setiap fakta yang terdapat dalam proses pengeluaran. Terdapat juga segelintir calon yang memberikan jawapan tanpa menyertakan gambar rajah. Ini bermakna calon gagal memberikan respons jawapan menurut kehendak soalan. Antara contoh jawapan yang boleh diberikan oleh calon ialah:

Gambar rajah proses pengeluaran



1. Input merupakan sumber atau faktor-faktor pengeluaran yang diperlukan untuk menghasilkan perabot. Sumber yang terlibat ialah bahan mentah (kayu, besi, gam, kain, dan span), modal insan atau sumber manusia, sumber kewangan, teknologi, dan keusahawanan
2. Proses transformasi merupakan aktiviti mengubah input kepada output, seperti mencantum, memotong, membengkok, mengeringkan, mengecat, dan menggilap. Bagi penggunaan teknologi dan manusia, pekerja akan melakukan aktiviti yang menambah nilai kepada input, seperti memotong, membentuk, atau mengecat bahan mentah kayu atau besi menggunakan mesin.
3. Output merupakan hasil pengeluaran sama ada produk siap ataupun produk separa siap. Bahagian-bahagian perabot yang boleh dijual kepada pengilang perabot lain dan perabot yang lengkap dijual terus kepada pemborong, peruncit, atau pengguna akhir.
4. Maklum balas merupakan penyampaian maklumat tentang hasil keluaran kepada peringkat input dan proses transformasi. Sebagai contohnya, dari aspek kualiti produk maklum balas sama ada mutu perabot yang dihasilkan menepati piawaian yang ditetapkan atau tidak disampaikan kepada peringkat input atau peringkat proses transformasi.

Soalan 3(b)(i) menghendaki calon untuk menghuraikan tujuh cabaran dalam pengurusan sumber manusia. Kebanyakan calon dapat memberikan fakta jawapan dengan tepat dan hanya segelintir sahaja yang tidak dapat memberikan jawapan yang baik terhadap soalan ini. Antara contoh fakta jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

1. Teknologi
2. Peningkatan bilangan pekerja wanita
3. Kemasukan buruh asing
4. Perubahan ekonomi
5. Kepelbagaian tenaga kerja
6. Globalisasi

Soalan 3(b)(ii) menghendaki calon untuk menyatakan enam tindakan yang perlu diambil oleh seseorang pengurus sumber manusia bagi membantu stafnya menghadapi cabaran yang dikemukakan dalam (b)(i). Majoriti calon gagal menjawab soalan 3(b)(ii) berdasarkan arahan soalan yang jelas menyatakan "...berdasarkan 3(b)(i)", maka jawapan yang diberikan dalam 3(b)(ii) tidak menunjukkan tindakan yang dinyatakan untuk cabaran yang mana satu. Antara contoh jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

1. Teknologi. Bagi menangani cabaran ini, latihan kepada pekerja tentang teknologi atau cara kerja baru di kilang.
2. Peningkatan bilangan pekerja wanita. Untuk menangani cabaran ini, syarikat seharusnya menyediakan pusat asuhan kanak-kanak atau bilik penyusuan.
3. Kemasukan buruh asing. Syarikat perlu memberikan program latihan kesedaran budaya atau bahasa tempatan atau cara hidup masyarakat perlu diberikan kepada pekerja asing.
4. Perubahan ekonomi. Bagi mengatasi cabaran ini, skim pemisahan sukarela (MSS) diperkenalkan dan latihan untuk mendapatkan kemahiran baru atau menambah kemahiran.
5. Kepelbagaian tenaga kerja. Menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan OKU dan sebagainya.
6. Globalisasi. Pekerja perlu diberikan latihan untuk berurusan dengan rakan niaga atau kakitangan dari negara luar.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 2,297 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 53.94%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.44	4.75	5.49	6.31	10.36	10.45	11.14	5.66	5.92	4.48	30.00

RESPONS CALON

Komen am

Mutu jawapan calon secara keseluruhan adalah sederhana. Ini adalah kerana tahap kesukaran soalan adalah sederhana dan disediakan mengikut sukatan pelajaran Perakaunan STPM. Soalan yang dikemukakan dapat mendiskriminasikan antara calon yang baik dengan calon yang lemah. Soalan teori mewakili 33 markah dari markah keseluruhan, iaitu 100 markah bagi lima soalan.

Secara keseluruhan, terma dan ayat yang digunakan dalam kertas ini adalah mengikut piawai dan mudah difahami oleh calon.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan dua perbezaan bagi perbelanjaan hasil dan perbelanjaan modal. Majoriti calon gagal menjawab soalan ini dengan baik. Ini adalah kerana kebanyakan calon memberi jawapan dalam bentuk perbandingan dan bukan perbezaan. Jawapan yang sepatutnya ialah perbezaan dari segi usia manfaat dan perekodan. Bagi belanja hasil tempoh manfaatnya ialah tempoh semasa manakala bagi belanja modal tempoh manfaatnya ialah lebih dari satu tempoh. Dari segi perekodan pula, belanja hasil direkod di penyata pendapatan untuk menghitung untung bersih manakala belanja modal pula direkod dalam penyata kedudukan kewangan sebagai aset.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan dua perbezaan bagi aset inventori dan aset tetap. Masih terdapat calon yang memberikan jawapan pernyataan yang berbentuk negatif dan perbandingan contoh. Jawapan yang sepatutnya ialah aset inventori dibeli bertujuan untuk dijual semula dan berada dalam satu tempoh perakaunan manakala aset tetap pula dibeli bagi membantu operasi dalam menjana pendapatan dan berada melebihi satu tempoh perakaunan.

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Kebanyakan calon tidak dapat membuat pelarasan inventori awal yang terlebih nyata sebanyak RM5,000 pada kos jualan. Begitu juga dengan ambilan barang niaga sebanyak RM800 yang memerlukan pelarasan pada kos jualan. Kesilapan yang sering ditemui ialah calon membuat pelarasan pada inventori akhir di penyata kedudukan kewangan. Jawapan yang sepatutnya bagi kos jualan yang tepat selepas dibuat pelarasan ialah $RM200,000 - RM5,000 - RM800 = RM194,200$.

Ramai calon tidak membuat pelarasan pada belanja operasi yang mana belanja ini termasuk belanja modal, iaitu belian van berjumlah RM40,000. Aset ini juga perlu dilaraskan dengan belanja susut nilai, iaitu secara ansuran tetap selama lima tahun. Belanja susut nilai van ialah $RM40,000/5$ tahun = RM8,000. Alatan pejabat juga perlu disusut nilai menggunakan kaedah garis lurus iaitu kos $RM10,000/5$ tahun menjadi RM2,000 setahun.

Berdasarkan kepada soalan terdapat nota belum bayar yang dikenakan kadar faedah 8%, maka pelarasan bagi belanja faedah perlu dihitung iaitu, $RM10,000 \times 8\% = RM800$. Apabila semua pelarasan ini diambil kira, belanja operasi selepas pelarasan adalah sebanyak RM136,800 dan nilai untung bersih ialah RM69,000.

Soalan bahagian (c)(ii) menghendaki calon menyediakan penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2013. Majoriti calon dapat memberikan jawapan yang tepat pada bahagian aset. Jawapannya ialah bagi bahagian hartanah, loji dan peralatan, persembahan jawapan mempunyai dua aset yang terdiri dari alatan pejabat RM6,000 dan van RM32,000. Manakala aset semasa terdiri dari tunai asal RM32,500 ditolak ambilan tunai RM3,000 menjadi baki RM29,500 selepas pelarasan. Aset semasa ditolak liabiliti sewajarnya memberikan jawapan RM70,700.

Namun begitu hampir semua calon gagal membuat pelarasan bagi modal awal. Calon hanya memberi jawapan modal sebagai RM48,500. Jawapan ini tidak tepat kerana inventori awal yang terlebih nyata memberi kesan kepada keuntungan tahun 2012, maka pelarasan ini melibatkan modal awal tahun 2013. Jawapan yang sepatutnya bagi modal di penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2013 ialah RM43,500.

Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan kos perolehan setiap aset yang telah dikenal pasti. Kebanyakan calon tidak memberikan jawapan yang tepat. Dalam soalan telah memberikan tarikh kos perolehan aset, maka calon perlu menghitung kosnya pada tarikh tersebut dahulu. Kelemahan yang sangat ketara kepada calon ialah calon tidak dapat membezakan belanja insurans prabayar yang dibayar sebelum tempoh insurans itu berlaku. Jawapan yang sepatutnya ialah pada tarikh belanja insurans dibayar, urusan niaga itu sepatutnya direkod sebagai insurans prabayar secara keseluruhan.

Kelemahan lain calon ialah calon tidak dapat mengelas paten sebagai aset tidak ketara. Kelemahan yang paling kritikal ialah dalam menentukan dan mengasingkan jumlah kos perolehan bagi tanah dan mesin yang telah termasuk sebagai belanja hasil dan belanja modal.

Jawapan yang dikehendaki ialah seperti berikut:

<i>Tarikh perolehan aset</i>	<i>Kos perolehan aset yang terlibat</i>
1 Januari 2013	Paten berjumlah RM74,000
30 Januari 2013	Insurans prabayar berjumlah RM6,000
1 Mac 2013	Tanah bernilai RM850,000
30 Jun 2013	Mesin (620,000 + 31,000 + RM2,000 + RM4,000) = RM657,000 Inventori bekalan berjumlah RM5,000

Soalan bahagian (b)(iii) menghendaki calon menyediakan catatan jurnal bagi merekod setiap perolehan aset tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat menyediakan catatan jurnal kerana kegagalan mengenal pasti aset di (a) sangat jelas. Apabila calon tidak mengelas insurans sebagai prabayar dan inventori bekalan sebagai aset semasa maka kesalahan ini dibawa ke bahagian (b) dengan tidak merekod kedua-duanya sebagai aset dan seterusnya kesilapan ini dibawa ke bahagian (c) dan (d). Masih terdapat kelemahan sebilangan kecil calon yang tidak memberikan keterangan bagi jurnal yang disediakan.

Jawapan:

Catatan jurnal bagi merekodkan perolehan setiap aset di atas ialah seperti yang berikut:

Dt	Paten	74,000	
	Kt Tunai/Bank		74,000
Dt	Insurans prabayar	6,000	
	Kt Tunai/Bank		6,000
Dt	Tanah	850,000	
	Kt Tunai/Bank		850,000
Dt	Mesin	657,000	
	Kt Tunai/Bank		657,000
Dt	Inventori bekalan	5,000	
	Kt Tunai/Bank		5,000

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menyediakan pelarasan pada akhir tempoh bagi setiap aset yang telah dikenal pasti di (a). Majoriti calon menggunakan terma susut nilai untuk aset tak ketara iaitu paten. Jawapan calon sepatutnya menggunakan perkataan belanja pelunasan dan terus mengkredit aset paten sebanyak RM9,250. Bagi insurans prabayar pula, belanja untuk 11 bulan perlu dikelaskan sebagai belanja insurans kerana telah tamat tempoh. Maka RM5,500 adalah belanja insurans yang telah dilibatkan. Bagi aset tanah, tiada pelarasan kerana tidak melibatkan sebarang susut nilai, manakala mesin mempunyai pelarasan belanja susut nilai sebanyak RM62,700. Inventori bekalan yang telah digunakan bagi 60% juga perlu diiktiraf sebagai belanja bekalan.

Soalan bahagian (d) menghendaki calon menyatakan bagaimana setiap aset didedahkan dalam penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan. Kegagalan calon mempersembahkan jawapan yang tepat menunjukkan kelemahan yang sangat ketara semasa memahami kehendak soalan. Kebanyakan calon memberikan jawapan dalam format penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan. Jawapan seperti ini tidak diterima. Jawapan calon sepatutnya menyatakan sahaja bagaimana catatan ini dibuat di penyata pendapatan dan penyata kedudukan kewangan seperti yang berikut:

<i>Aset</i>	<i>Penyata Pendapatan Komprehensif</i>	<i>Penyata Kedudukan Kewangan</i>
Paten	Paten dilunaskan sepanjang usia gunanya selama lapan tahun sebagai belanja pelunasan	Kos paten ditolak belanja pelunasan didedahkan sebagai aset tak nyata
Insurans prabayar	Amaun bagi tempoh yang telah lupus diiktiraf sebagai belanja insurans	Amaun bagi tempoh yang belum lupus diiktiraf sebagai insurans prabayar di aset semasa
Tanah	tidak disusutnilaikan	dikelaskan sebagai hartanah, loji, dan peralatan
Mesin	Susut nilai tahunan diiktiraf sebagai belanja susut nilai	Mesin ditolak susut nilai terkumpul ditunjukkan nilai buku bersih sebagai hartanah, loji & peralatan
Inventori bekalan	Bekalan yang digunakan 60% diiktiraf sebagai belanja	Bekalan yang belum digunakan diiktiraf sebagai aset semasa

Soalan 3

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan maksud liabiliti luar jangka seperti yang dinyatakan dalam MFRS 137 serta memberikan dua contoh liabiliti luar jangka tersebut. Majoriti calon menjawab soalan kualitatif dengan tidak begitu baik. Bagi jawapan contoh pula, ramai calon memberikan contoh seperti saman, kos guaman dan denda mahkamah. Semua jawapan ini tidak dapat diterima. Kos guaman ialah belanja operasi, sepatutnya calon menggunakan terma tuntutan mahkamah dan bukan kos guaman.

Jawapan yang sepatutnya bagi belanja luar jangka adalah seperti yang berikut:

Obligasi yang mungkin wujud daripada peristiwa lepas dan kewujudannya tidak dapat dipastikan pada masa hadapan kerana ia bukan di bawah kawalan entiti perniagaan sehingga ianya benar-benar wujud.

Obligasi semasa yang wujud daripada peristiwa lepas tetapi tidak diiktiraf kewujudannya kerana tidak dapat dipastikan jumlah penyelesaian obligasi tersebut atau jumlah obligasi tersebut tidak dapat diukur.

Contohnya ialah tuntutan mahkamah dan waranti.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyediakan catatan jurnal untuk merekodkan urusan niaga yang diberi, iaitu pelarasan (1) hingga (9), bagi tahun 2013. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini, tidak menyatakan nama liabiliti yang wujud dengan tepat.

Masih terdapat sebilangan calon tidak menulis perkataan tiada kepada pelarasan (1) dan (2) sedangkan arahan dengan jelas telah mengarahkan calon berbuat sedemikian. Selain itu, terdapat ramai calon gagal menjawab maklumat pelarasan liabiliti (3), (4) dan (5). Maklumat (2) menyatakan liabiliti nota belum bayar mengikut tempoh yang perlu dikelaskan kepada liabiliti semasa dan bukan semasa.

Bagi pelarasan (4), belanja gaji dengan caruman KWSP pekerja serta cukai pendapatan (PCB) juga tidak dapat dilaras dengan tepat oleh kebanyakan calon. Terdapat ramai calon yang menggunakan terma yang tidak tepat bagi butiran yang perlu direkod di jurnal. Perkataan caruman majikan tidak diterima sebagai

jawapan, setiap jurnal memerlukan nama akaun nyata yang tepat. Setiap butiran liabiliti semasa mesti mempunyai perkataan belum bayar. Jawapan yang tepat bagi jurnal belanja gaji ialah:

Dt	Belanja gaji	75,200
	Kt KWSP belum bayar (11% * 75,200)	8,272
	Kt LHDN (5% * 75,200)	3,760
	Kt Gaji belum bayar	63,168

Pelarasan (5) juga sepatutnya calon menggunakan perkataan belanja KWSP dan KWSP belum bayar bagi bahagian caruman majikan yang berjumlah RM9,024 (RM75,200 X 12%). Bagi pelarasan (6), belanja cukai perlu digunakan sebagai belanja dan cukai belum bayar sebagai liabiliti semasa untuk cukai perniagaan, yang berbeza dengan PCB pekerja di pelarasan (4).

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyediakan bahagian liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa yang telah dinyatakan di penyata kedudukan kewangan. Kebanyakan calon hanya menghitung tanpa menulis butiran angka yang dicatat. Oleh yang demikian sekiranya hanya angka tanpa butiran, maka jawapannya tetap salah walaupun angkanya tepat. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti di bawah:

LIABILITI SEMASA			
Akaun belum bayar	228,000		
Lain-lain belanja terakru	23,000		
Faedah belum bayar	39,500		
Gaji belum bayar	63,168		
KWSP belum bayar	17,296		
Lembaga hasil dalam negeri	3,760		
Cukai belum bayar	43,300		
Belanja utiliti	3,500		
Bonus belum bayar	184,500		
Nota belum bayar	18,000		
		LIABILITI BUKAN SEMASA	
		Nota belum bayar	530,000
		Bon belum bayar	300,000

Soalan 4

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan dua perbezaan bagi aset ketara dan aset tak ketara. Sebahagian besar calon memberi jawapan dalam bentuk penyataan negatif serta contoh sedangkan soalan tidak menghendaki contoh. Penggunaan terma aset tidak nampak atau tidak boleh dilihat sangat kerap digunakan calon tetapi jawapan ini tidak diterima sama sekali. Calon perlu memberi jawapan seperti yang berikut:

Aset ketara	Aset tak ketara
Disusut nilaikan	Dilunaskan
Kewujudan fizikal memudahkan penetapan jangka hayat	Tiada kewujudan fizikal menyebabkan kesukaran menentukan usia guna

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan komprehensif koperasi. Kebanyakan calon dapat menghitung untung kasar yang tepat berjumlah RM549,000. Namun begitu, ramai calon tidak mencatat butiran belanja elaun lembaga pengarah sebanyak RM39,914 dalam penyata pendapatan. Elaun ini dicatat oleh kebanyakan calon di penyata pembahagian untung rugi di bahagian (b)(ii). Elaun ini perlu dihitung berasaskan 10% daripada untung termasuk belanja elaun iaitu 110% sejumlah RM399,136 setelah mengambil kira semua hasil dividen RM5,000 dan faedah simpanan tetap RM7,500 serta belanja sebelum elaun berjumlah RM122,450. Cara penghitungannya yang sepatutnya ialah:

- (i) Langkah pertama, $\text{Untung kasar RM549,000} + \text{RM12,500} - \text{RM122,450} = \text{RM439,050}$.
- (ii) Langkah kedua $\text{RM439,050} \times 10/110\% = \text{RM39,914}$.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyediakan penyata pembahagian keuntungan. Kebanyakan calon gagal mempamerkan jawapan yang tepat mengikut kehendak Akta Koperasi. Keuntungan bersih sepatutnya ditolakkan dahulu dengan pembahagian rizab berkanun 15%, rizab pendidikan koperasi 4%, dan rizab pembangunan koperasi 5% sebelum menolak lain-lain agihan. Oleh yang demikian, calon yang tidak menunjukkan jalan kerja akan hilang markah. Jika jawapan akhir tidak tepat, pemeriksa akan memberi markah kepada jalan kerja berdasarkan kepada pengiraan untung bersih calon yang silap di bahagian (b)(i).

Jawapan yang sepatutnya adalah dalam format berikut:

Keuntungan bersih tahun semasa	339,136
Tolak: Pembahagian Berkanun	
Kumpulan wang rizab berkanun (15% × 339,136)	59,870
Rizab pendidikan koperasi (4% × 339,136)	15,965
Rizab pembangunan koperasi (5% × 339,136)	19,957
Keuntungan selepas pembahagian berkanun	303,344
Dividen dicadangkan (10% × 100,000)	10,000
Kumpulan wang kebajikan (10% × 303,344)	30,334

Soalan bahagian (b)(iii) menghendaki calon menyediakan penyata kedudukan kewangan. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat di bahagian ekuiti koperasi iaitu kumpulan wang anggota. Ramai calon menunjukkan rizab pembangunan dan rizab pendidikan koperasi di bahagian ekuiti yang mana jawapan itu adalah salah. Dua kumpulan wang rizab ini bukan milik koperasi kerana ia perlu dibayar atau dicarum bagi tujuan pembangunan dan pendidikan koperasi, maka kedua kumpulan wang ini mesti direkod di liabiliti semasa seperti berikut:

Liabiliti semasa

Pemiutang dagangan	74,000
Faedah belum bayar	12,000
Elaun Lembaga Pengarah	39,914
Dividen belum bayar	10,000
Kumpulan wang Pembangunan Koperasi	19,957
Kumpulan wang Pendidikan Koperasi	15,965

Manakala di kumpulan wang anggota terdiri daripada yang berikut sahaja:

KUMPULAN WANG ANGGOTA	
Modal saham	300,000
Rizab:	
Wang rizab berkanun (59,870 + 40,000)	99,870
Kumpulan wang kebajikan (30,334 + 48,000)	78,334
Untung terkumpul	302,010
Jumlah ekuiti	580,214

Soalan 5

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihalkan tiga objektif kawalan dalaman. Kelemahan calon adalah calon hanya menyatakan sahaja objektif tanpa memerihalkan pernyataan mereka. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

1. Menghasilkan maklumat perakaunan yang tepat / Kesahihan iaitu urus niaga yang dicatat hendaklah menunjukkan urus niaga yang sebenar dan bukan dicipta sendiri atau diubahsuai. Ini akan memberi kesan kepada keuntungan sama ada akan terlebih atau terkurang nyata.
2. Memastikan arahan pengurusan dilaksanakan iaitu memastikan pematuhan kepada polisi perniagaan
3. Meningkatkan kecekapan organisasi /Penilaian iaitu sistem kawalan dalaman hendaklah memastikan tiada kesilapan yang berlaku semasa pengiraan dan semasa urus niaga dicatat dalam akaun.
4. Mengelakkan berlakunya sebarang penipuan, pembaziran, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa iaitu setiap urus niaga hendaklah dipastikan dicatat dengan tepat bagi mengelakkan kesilapan dan seterusnya terlebih atau terkurang nyatakan untung, rekod urus niaga bukan dicipta sendiri atau diubahsuai.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menjelaskan prinsip pengasingan tugas dan pusingan tugas beserta dengan contoh bagi setiap satu. Kebanyakan calon menjelaskan pengasingan tugas kurang tepat tetapi memberikan contoh pengasingan tugas yang betul. Contoh kesilapan yang diberi oleh kebanyakan calon tetapi tidak diterima untuk diberikan markah adalah seperti tugas yang banyak tidak boleh diberikan kepada seorang pekerja sahaja, seorang pekerja sahaja menjalankan tugas tertentu dan tidak boleh mencampuri urusan pekerja lain dan setiap jawatan dalam perniagaan mempunyai tugas masing-masing. Jawapan yang sepatutnya calon ialah pengasingan tugas menerangkan bahawa tugas yang berhubung kait hendaklah diberi kepada pekerja yang berbeza supaya tidak diserahkan kepada seorang kakitangan sahaja dari mula hingga akhir tugas tersebut.

Bagi jawapan pusingan tugas pula penjelasan calon tidak lengkap seperti pekerja haruslah ditukar tempat kerja, setiap pekerja perlu dipusing-pusing kerja, dan pekerja perlu bekerja syif. Manakala contoh yang diberi tidak tepat seperti guru bertukar sekolah. Jawapan yang sepatutnya ialah pusingan tugas akan mengelakkan individu tertentu sahaja melakukan tugas yang sama dalam jangka masa yang lama. Bagi contoh pula, sebaiknya calon memberikan contoh pekerja perkeranian yang ditukar dari semasa ke semasa ke jabatan yang berbeza dalam organisasi.

Bahagian (c) menghendaki calon menyatakan sahaja prinsip kawalan dalam yang sesuai bagi setiap situasi yang diberikan dalam soalan. Calon tidak perlu memberi sebarang ulasan. Namun terdapat sebilangan calon memberikan ulasan walaupun ia tidak diminta berbuat sedemikian. Terdapat kelemahan calon ditemui, iaitu memberikan jawapan penetapan tanggungjawab sebagai pengagihan tanggungjawab. Dua jawapan ini adalah perkara yang berbeza. Tiada prinsip pengagihan tanggungjawab tetapi yang ada hanya pengagihan

tugas sahaja. Begitu juga dengan verifikasi dalaman atau semakan, ini tidak diterima jika calon memberi jawapan sebagai pengesahan. Jawapan bagi situasi di (c) ialah:

1. Pengasingan tugas
2. Penetapan tanggungjawab
3. Kawalan mekanikal, elektronik dan fizikal
4. Kelulusan
5. Pendokumenan
6. Verifikasi dalaman
7. Penetapan tanggungjawab
8. Pendokumenan
9. Pusingan tugas
10. Kawalan mekanikal, elektronik dan fizikal

Kekuatan calon di bahagian ini ialah, tiada yang memberikan dua jawapan bagi setiap situasi. Sekiranya itu berlaku, kedua-dua jawapan tidak diterima kerana ia dianggap sebagai jawapan tiada kepastian dan pemeriksa berhak menolak kedua-duanya.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon memerihalkan tiga batasan kawalan dalaman. Kelemahan calon ialah kebanyakan calon memberi pernyataan tanpa memberi penjelasan ringkas. Jawapan seperti konspirasi atau subahat, kos tinggi, bilangan pekerja yang ramai dan terlalu banyak prosidur diberikan oleh calon. Jawapan konspirasi atau subahat ini diterima sebagai sebahagian dari jawapan tetapi tidak mendapat markah penuh. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Bilangan pekerja dan saiz organisasi

Jika saiz organisasi kecil dan mempunyai bilangan pekerja yang sedikit, pengasingan tugas dan pusingan tugas mungkin tidak dapat dilakukan. Ia adalah sesuatu yang normal dalam syarikat yang kecil di mana seorang pekerja mungkin akan melakukan pelbagai tugas.

Konspirasi/subahat

Walau sebagus mana pun sesuatu kawalan dalaman dilaksanakan, namun ia masih boleh ditembusi sekiranya terdapat konspirasi diantara pekerja dalaman ataupun diantara pekerja dalaman dan orang luar. Konspirasi bermaksud dua orang atau lebih bersubahat dan bekerjasama untuk melakukan sesuatu jenayah.

Kos melebihi manfaat

Jika syarikat adalah kecil, mempunyai pekerja yang sedikit dan transaksi yang tidak banyak, mengaplikasikan sesuatu kawalan dalaman akan melibatkan kos yang banyak, di mana mungkin mengakibatkan kos melebihi manfaatnya.

Mathematics (M) (950/1)

OVERALL PERFORMANCE

The number of candidates for this subject was 1,114. The percentage of candidates who obtained a full pass was 31.86%.

The achievement of candidates according to grades is as follows:

Grade	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Percentage	4.31	1.35	2.06	2.60	5.12	6.46	9.96	5.92	3.23	5.92	53.05

CANDIDATES' RESPONSES

General comments

Generally, the candidates' responses showed they lacked thinking and reasoning skills. Candidates depended too much on the use of calculators. Consequently, candidates merely stated the answer without showing essential steps to convince examiners as to how they obtain the answers. Very few candidates managed to present their answers systematically.

Comments on individual questions

Question 1

Most candidates were able to solve Question 1 (a). They could not factorize Question 1(b) completely. Instead, they wrote $x^2 + 2x + 2 = (x + 1)^2$. In Question 1(c), candidates could not prove the equation $x^2 + 2x + 2 > 0$.

Answers: (a) $a = 2$, $b = -4$; (b) $(x - 2)(2x + 1)(x^2 + 2x + 2)$; (c) $\left\{x: -\frac{1}{2} < x < 2\right\}$

Question 2

Candidates were not able to solve Questions 2 (a) and 2(b). In Question 2(a), candidates wrote 4, 9, 16, 25 instead of 1, 4, 9, 16. Candidates did not know that the first term of the sequence is $u_0 = 1$. In Question 2(b), only a few of the candidates could give an explicit formula for the general term but none of them could verify the answer.

Answers: (a) 1, 4, 9, 16; (b) $u_{r+1} = u_r + 2r + 3$;

Question 3

Most of the candidates could solve this question. However, some of the candidate used the Gaussian- Jordan method, found inverse matrix method or solved simultaneous equations method.

$$\text{Answers: } x = \frac{1}{3}, y = -\frac{4}{3}, z = -1$$

Question 4

Most candidates did not know left and right limits. Candidates found the limit without showing the left hand limit and the right hand limit.

$$\text{Answers: } \lim_{x \rightarrow 3} f(x) \text{ exist}$$

Question 5

Candidates could prove the first part which is $\int_1^3 \ln x \, dx = 3 \ln 3 - 2$. They did not know how to apply the first part to solve the second part. Candidates repeated integration by parts. The candidates did not understand the implication of the word “hence” in the question.

$$\text{Answers: } \frac{3}{2} \ln 3 - 1$$

Question 6

Candidates did not know that they had to transform the differential equation in terms of x and y to a new equation in terms of x and z . So they were not able to reduce the differential equation to a differential equation with separable variables. Even though candidates who were able to reduce, they were unable to solve this differential equation completely because it involved the integral of logarithmic function.

Question 7

Majority of the candidates answered this question as an option question. Candidates did very well in getting the partial fractions and 7(b). However, in Question 7(a), they could not apply the given formula to get the expansion in power of $\frac{1}{x}$. Many expanded in ascending power of x instead of $\frac{1}{x}$.

$$\text{Answers: } -\frac{2}{2x-3} + \frac{1}{x-2}; (b) p = 5$$

Question 8

Candidates could solve Question 8(a) and found the first and second derivative correctly in Question 8(b) but were not able to perform the tests for local extremums and for inflexion points. In Question 8(c), none of the candidates could sketch the graph correctly.

$$\text{Answers: } (a) \{x: x \leq 0 \text{ or } x \geq 2\}; (b) \text{ local minimum } \left(\frac{1}{2}, -\frac{27}{16}\right) \text{ points of inflexion } (1, -1), (2, 0)$$

Mathematics (T) (954/1)

OVERALL PERFORMANCE

The number of candidates for this subject was 6,836. The percentage of the candidates who obtained a full pass was 38.23%.

The achievement of the candidates according to grades is as follows.

Grade	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Percentage	5.03	3.17	4.23	6.28	5.53	6.88	7.11	2.97	2.79	2.91	53.10

RESPONSES OF CANDIDATES

General comments

In general, the candidates' performance for this year demonstrated a wide range of mathematical ability. Candidates were able to answer on direct applications of mathematical formulae but weak in answering questions involving understanding of concepts, such as log (Q1) and limits in finding sum to infinity (Q2) and inequalities (Q7). Candidates were unable to apply the basic concepts learned. This indicates that most candidates were merely memorising the concepts learned, but did not know why, when and how to apply the concepts.

As a whole, most of the candidates were unable to organise, plan and write their solutions systematically to solve the questions. Majority of the candidates were unable to present well-written answers for question which involved graph sketching and question with follow-up instructions such as hence and deduce. Only a small group of candidates were able to answer well. Most answers to the questions were poorly performed.

Viewing candidates' presentation of solutions, the above average candidates answers were systematic, logic, well organized and well presented with the right concepts and laws. Excellent candidates managed to answer Q1, Q2, Q3, Q4, Q5, Q7 and Q8 with complete and well-presented answers. These questions only required them to use standard mathematical method and basic concepts.

For the moderate candidates, they were able to present their answers well for the questions they were familiar with. Mostly, this type of candidates managed to get the first part or only some part correct in their workings. Quite a number of candidates chose not to answer on particular questions, whereas some tried to answer and wrote a lot, but all were irrelevant.

However, for the weak candidates with poor foundation in their basics, answers given were disorganised and not in a proper working with the wrong applications of laws and basic concepts. Weak candidates lacked the aptitude and understanding of what were required in the questions. They could not understand the mathematical concept and hence they could not apply the concept to solve the problems. Their workings were not well-planned. Referring to the candidates' solutions, majority of them failed to show essential steps to convince as to how the answers came about. Some solutions involved reasoning, deduction and sketching of geometry shape.

Some candidates still used two columns in presenting their working, split a page to two, squeezing two questions to one side making a page with solutions of 3 to 4 questions which made it hard for the examiners to write marks at the appropriate place. Some candidates still produced small and unorganized set of answers, consequently their scripts totally packed and difficult for marking purposes.

As for section B, most candidates chose to answer Q7. Candidates, who chose to answer Q8, performed poorly compared to those who have chosen Q7.

Comments on individual questions

Question 1

